Reputasi CGC sebagai penyedia jaminan pinjaman yang terkemuka di negara ini telah diperkukuhkan lagi dengan adanya pengiktirafan penilaian AAA oleh Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) untuk dua tahun berturut-turut. Penilaian ini memperlihatkan peranan CGC sebagai institusi terkemuka dalam mempromosikan akses pembiayaan kepada PKS dan ianya menggambarkan peningkatan perolehan, kecukupan kecairan, risiko pelaburan yang rendah dan kestabilan CGC.

USAHASAMA ANTARABANGSA

Di dalam arena antarabangsa, CGC terus melibatkan diri dengan aktif di dalam pelbagai seminar dan persidangan sejajar dengan usahanya merapatkan hubungan erat dengan rakan-rakan institusi lain serta bertukar-tukar pengetahuan dan kepakaran yang amat diperlukan dalam pembangunan sektor PKS yang dinamik. Pada November 2008, CGC telah menyertai Persidangan Asian Credit Supplementation Institution Confederation (ACSIC) yang ke-21 di Phuket, Thailand. Persidangan yang bertemakan 'Capital Market – An Enhancing Mechanism for Credit Guarantee/Insurance and How Financial Market Could Help Credit Guarantee/Insurance Business in the Global Context' telah memberi peluang kepada CGC untuk turut serta dan menyumbang kepada pembangunan sistem sokongan kredit kepada PKS di rantau Asia melalui pertukaran maklumat dan perbincangan. CGC telah diwakili oleh Pengarah Urusannya, Y.Bhg. Datuk Wan Azhar Wan Ahmad yang membentangkan kertas kerja berjudul 'Strengthening Business for Sustainable Growth – The Experience of CGC Malaysia'. Kertas kerja tersebut adalah khusus mengenai Rancangan Pembaharuan Perniagaan Tiga Tahun CGC dan cabaran-cabaran yang dihadapi di dalam melaksanakannya.

CGC juga menyertai International CEO Forum yang ke-5 bertemakan 'The Role of DFIs Under Today's Challenging Economic Environment – Enhancing Efficiency and Productivity' bertujuan untuk memperkukuhkan lagi jaringan dan gabungan antarabangsa CGC khususnya di rantau Asia Pasifik. CGC telah diwakili oleh Pengarah Urusannya yang mengendalikan sesi 'Development Financial Institutions (DFIs) Moving Up the Value Chain'. Persidangan antarabangsa ini dianjurkan oleh Association of Development Finance Institutions of Malaysia (ADFIM) dengan kerjasama Association of Development Financing Institutions in Asia and the Pacific (ADFIAP) pada November 2008 di Kuala Lumpur, Malaysia.

PROSPEK TAHUN 2009

Kami akui bahawa tahun 2009 akan menjadi tahun yang paling mencabar bagi CGC dan PKS memandangkan krisis kewangan global yang masih belum menunjukkan tanda-tanda pemulihan buat masa ini. Kegawatan ekonomi ini masih berterusan dan memberikan impak pembangunan yang negatif kepada aktiviti eksport dan pengeluaran barangan perindustrian, pelaburan dan sentimen pengguna. Pakej rangsangan ekonomi kerajaan kedua memperuntukkan sejumlah RM60 bilion yang diumumkan pada Mac 2009. Ianya adalah sebagai penstabil ekonomi yang amat dialu-alukan bagi membantu perniagaan-perniagaan yang berhadapan dengan kesulitan serta menjadi pemangkin kepada pertumbuhan. Pakej rangsangan ini yang mencatatkan hampir 9% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan dilaksanakan pada tahun 2009 dan 2010.

“CGC akan melakukan yang terbaik bagi menangani sebahagian masalah PKS khususnya mempercepatkan kaedah pemerosesan pinjaman secara lebih efisien dengan memendekkan tempoh masa pemerosesan.”

Dengan pelbagai pakej rangsangan dan skim-skim jaminan seperti RM2 bilion bagi Skim Bantuan Jaminan PKS, RM10 bilion bagi Skim Jaminan Modal dan Skim Jaminan Penstrukturan Semula Industri yang mana kesemuanya menawarkan 80% jaminan oleh kerajaan, komuniti usahawan dijangka akan menikmati akses pembiayaan yang lebih luas. CGC akan melakukan yang terbaik bagi menangani sebahagian masalah PKS khususnya mempercepatkan kaedah pemerosesan pinjaman secara lebih efisien dengan memendekkan tempoh masa pemerosesan dan bekerjasama lebih erat dengan institusi-institusi kewangan. Adalah diharapkan para PKS akan mengambil kesempatan daripada kesemua dana yang terdapat di institusi-institusi kewangan dan juga kadar faedah yang rendah bagi mengekalkan dan mengembangkan perniagaan mereka. Memandangkan jangkaan kadar pertumbuhan KDNK pada -1% hingga 1% bagi Malaysia, CGC juga akan mengadaptasikan kaedah pragmatik di dalam pelaksanaan strategi perniagaannya. CGC juga akan memperbaiki langkah-langkah sedia ada dengan mengadaptasikan kaedah-kaedah pengurusan aset terbaik bagi memastikan ianya dapat mencapai kekukuhan dan kestabilan kewangan untuk jangka masa panjang tanpa mengecewakan PKS berdaya maju yang amat memerlukan bantuan pembiayaan. CGC akan tetap fokus dan mempertingkatkan usaha bagi memastikan PKS terus memperolehi akses pembiayaan yang mencukupi.

CGC juga akan menawarkan khidmat nasihat perihal cara-cara pengurangan kos yang boleh dibuat oleh usahawan-usahawan berdaya maju yang mempunyai masalah menguruskan aliran tunai, operasi dan perbelanjaan lain umpamanya kos pekerja. Melalui Pusat Khidmat Pelanggan, para pelanggan yang memerlukan khidmat nasihat profesional boleh menyertai sesi-sesi penerangan yang menumpukan kepada tunjuk ajar untuk PKS perihal tatacara mendapatkan pembiayaan bagi perniagaan mereka atau pengendalian kewangan yang lebih baik di dalam suasana perniagaan yang mencabar. Disamping itu, CGC akan terus menawarkan pilihan kepada pelanggan-pelanggan sedia ada bagi penstrukturan semula pinjaman di mana pelanggan-pelanggan yang berhadapan dengan masalah aliran tunai boleh membuat rombakan ke atas pakej-pakej pinjaman mereka mengikut kes-kes tertentu. CGC akan juga menawarkan pilihan struktur pinjaman yang lebih anjal dan pelbagai pilihan pembayaran balik pinjaman kepada pelanggan yang memerlukannya.

PENGHARGAAN

Kami telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan yang penting di dalam aspek-aspek perniagaan, rentetan daripada pelaksanaan beberapa inisiatif di bawah Rancangan Pembaharuan Perniagaan termasuklah pengembangan produk dan perkhidmatan, pengenalan kepada mekanisme baru penentuan kadar faedah, peluasan jangkauan kepada PKS, penambahbaikan infrastruktur teknologi maklumat dan aktiviti sokongan pelanggan. Ini adalah sejajar dengan matlamat untuk mentransformasikan CGC kepada sebuah institusi kewangan berkonsep komersil. Pencapaian-pencapaian yang membanggakan ini tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan padu daripada rakan-rakan Lembaga Pengarah. Saya amat berterima kasih kepada mereka di atas sumbangan yang tidak ternilai dan sokongan padu terhadap setiap inisiatif yang dibuat secara kolektif bagi kebaikan CGC khususnya serta untuk manfaat sektor PKS secara amnya.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada Pengarah Urusan, Y.Bhg. Datuk Wan Azhar Wan Ahmad, dan rakan-rakan pengurusannya di atas dedikasi dan komitmen mereka kepada CGC. Saya yakin CGC di bawah kepimpinan beliau yang berwibawa serta kakitangan yang berdedikasi, akan terus kukuh dalam menghadapi cabaran mendatang.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada BNM, Kementerian Kewangan dan kementerian-kementerian lain serta agensi-agensinya di atas sokongan yang berterusan dan keyakinan mereka terhadap keupayaan CGC memacu pembangunan PKS di negara ini.



Dato' Zamani Abdul Ghani

Pengerusi
Lembaga Pengarah

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif

Prestasi Keseluruhan

Selama 37 tahun sejarah kewujudannya, CGC telah berupaya mengharungi beberapa kitaran ekonomi yang mencabar. Walau bagaimanapun, situasi dalam tahun 2008 tidaklah seperti situasi-situasi sebelumnya disebabkan kita berhadapan dengan prospek kemelesetan ekonomi yang berpanjangan rentetan daripada krisis kewangan global. Memandangkan krisis kewangan semakin buruk pada penggal kedua tahun 2008, CGC dengan dasar asas yang kukuh akan terus bersikap positif dalam perniagaan dan dalam masa sama melaksanakan strategi utama bagi memastikan akses pembiayaan PKS tidak terjejas. Memikul tanggungjawabnya sebagai rakan niaga kepada PKS tanpa mengabaikan kualiti asetnya, CGC telah mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan PKS terus menikmati pembiayaan pinjaman yang secukupnya bagi menangani kemelesetan ekonomi.

Pada tahun 2008, CGC memberikan keutamaan untuk terus fokus kepada beberapa bidang penting dan dalam masa yang sama sentiasa mengambil langkah berwaspada dalam perniagaan. Mengambil iktibar daripada pengalaman lalu menangani krisis, CGC dapat membantu perniagaan-perniagaan yang berdaya maju dengan terus menawarkan nilai tambah terhadap pelbagai produk dan perkhidmatan. Perkhidmatan tersebut telah dinikmati oleh lebih daripada 10,000 peminjam baru dan sedia ada. Sebahagian daripada mereka memerlukan pembiayaan bagi mengembangkan perniagaan dan yang selebihnya memohon untuk penstrukturan semula kemudahan yang sedia ada.

“CGC dengan dasar asas yang kukuh akan terus bersikap positif dalam perniagaan dan dalam masa sama melaksanakan strategi utama bagi memastikan akses pembiayaan PKS tidak terjejas.”



Datuk Wan Azhar Wan Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif (Sambungan)

Pembiayaan PKS

Pada tahun 2008, sektor perbankan dan institusi-institusi kewangan pembangunan (DFI) telah memberikan pembiayaan sebanyak RM59.2 bilion kepada PKS. Institusi perbankan menyumbangkan sebanyak RM54.4 bilion merangkumi 117,524 akaun, manakala DFI pula memberikan pinjaman berjumlah RM4.8 bilion merangkumi 31,220 akaun. Ianya merupakan 42.3% daripada keseluruhan pembiayaan perniagaan, merosot sedikit pada kadar 1.7% (2007: 44.0%). Walaupun situasi ekonomi mencabar, pembiayaan yang telah dikeluarkan kepada PKS meningkat pada kadar 8.6% kepada RM138.9 bilion pada akhir tahun 2008 (2007: RM128.0 bilion).

Sementara itu, permintaan bagi pembiayaan oleh para PKS meningkat secara sederhana dengan permohonan pinjaman mencatatkan pertumbuhan yang perlahan pada kadar 3.3% (2007: 38.8%). Dalam krisis kewangan yang kian meruncing, bilangan permohonan pinjaman adalah rendah dan ianya melibatkan semua sektor. Namun begitu, pengeluaran pinjaman kepada PKS meningkat pada kadar 16.0%, terutamanya bagi memenuhi keperluan modal kerja.

Umumnya, pengagihan pinjaman PKS memperlihatkan kesaksamaan di antara pelbagai sektor ekonomi dalam memperoleh manfaat daripada pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan. Sektor yang paling banyak memperoleh manfaat adalah sektor perkhidmatan yang menerima 39%, disusuli oleh sektor perkilangan (31%), pembinaan (11%), pertanian dan perlombongan (4%) dan sektor-sektor lain (15%). Secara keseluruhannya, sektor perkhidmatan dan perkilangan merupakan dua sektor yang paling banyak memperoleh manfaat, dengan menerima 70% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan kasar daripada sistem perbankan.

Dengan pengenalan dana-dana khas yang diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) seperti Kemudahan Bantuan PKS (SAF) dan Kemudahan Pemodenan PKS (SMF) pada Ogos 2008, ianya telah membantu meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh PKS yang berhadapan dengan peningkatan kos operasi kesan daripada kenaikan harga bahan api dan bahan-bahan mentah.

Pada tahun 2008, CGC mengalami penurunan dalam pertumbuhan pinjaman di mana 10,368 akaun bernilai RM3.0 bilion dijamin berbanding RM4.6 bilion (termasuk penssekuritan) merangkumi 13,004 akaun pada tahun 2007. Penurunan yang nyata dilihat dalam pertumbuhan ini disebabkan oleh pendekatan berhati-hati yang diambil oleh institusi pembiayaan malah PKS juga bertindak menangguhkan pelan pengembangan atau mengecilkan operasi perniagaan mereka. Pertumbuhan pinjaman yang rendah pada tahun 2008 juga disebabkan oleh langkah strategik CGC ke atas penambahbaikan kualiti pinjaman dengan memastikan skim-skim jaminan CGC diberikan kepada perniagaan-perniagaan yang benar-benar berdaya maju.

Pengurusan Skim-skim Jaminan

CGC memperluaskan kemudahan skim jaminannya dengan menambahkan satu lagi skim pada Januari 2008. Enhancer-i diperkenalkan untuk memenuhi permintaan terhadap kemudahan pembiayaan berteraskan Syariah serta meluaskan jangkauan CGC kepada PKS khusus untuk mereka yang memerlukan pembiayaan berkonsepkan Islam.

Bagi memberi bantuan selanjutnya kepada PKS yang berhadapan dengan peningkatan kos operasi rentetan daripada kenaikan harga bahan api dan bahan mentah, CGC turut serta dalam menguruskan SAF dan SMF, iaitu dua skim hasil inisiatif BNM. SAF merupakan kemudahan pembiayaan berjumlah RM700.0 juta diwujudkan untuk membantu PKS yang berdaya maju menangani masalah aliran tunai supaya mereka dapat meneruskan operasi perniagaan dan mengekalkan pekerjaan. SMF pula merupakan kemudahan pembiayaan berjumlah RM500.0 juta bertujuan untuk membantu PKS yang berdaya maju untuk memodenisasikan operasi supaya mereka dapat membeli atau menambahbaik mesin dan peralatan yang menjimatkan tenaga.

CGC menguruskan 13 skim jaminan pinjaman termasuklah Enhancer-i, SMF dan SAF. Lapan skim dikategorikan sebagai Skim-skim Utama manakala lima lagi dinamakan Skim-skim Pembiayaan Berprogram. Skim-skim tersebut adalah:

Skim-skim Utama

1. Skim Kredit Enhancer (ENHANCER) [yang menggantikan Skim Jaminan Utama Baru (SJOB)]
2. Enhancer Islam (Enhancer-i)
3. Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK)
4. Skim Jaminan Perbankan Islam (SJPI)
5. Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT)
6. Skim Jaminan Laluan Terus – Islam (DAGS-i)
7. Skim Jaminan Laluan Terus – Start-Up (DAGS Start-Up)
8. Skim Jaminan Bank Terus (SJBK)

Skim-skim Pembiayaan Berprogram

1. Skim Jaminan Anjal (SJA)
2. Skim Pembiayaan Francais (SPF)
3. Skim Jaminan Kemudahan Khas – 2 (KJK-2)
4. Kemudahan Bantuan PKS (SAF)
5. Kemudahan Pemodenan PKS (SMF)



Pinjaman-pinjaman Baru Yang Dijamin

SAF dan ENHANCER merupakan dua penyumbang utama terhadap keseluruhan pertumbuhan pinjaman pada tahun 2008 yang mencatatkan RM2.0 bilion. SAF menyumbangkan 3,545 pinjaman bernilai RM764.9 juta manakala ENHANCER pula menyumbangkan 3,056 pinjaman bernilai RM1,188.4 juta.

Tahun	2007		2008	
	Bilangan Pinjaman	Nilai (RM juta)	Bilangan Pinjaman	Nilai (RM juta)
Skim-skim				
SKIM-SKIM UTAMA	6,914	2,819.3	5,428	1,766.3
SJUB	632	242.5	-	-
ENHANCER	2,431	971.6	2,902	1,080.8
ENHANCER-i	-	-	154	107.6
SJUK	1,312	45.5	1,273	44.4
SJPI	128	74.6	36	17.0
SJLT	2,390	1,468.6	1,039	505.4
SJLT – Lain-lain	21	16.5	24	11.1
SKIM-SKIM PEMBIAYAAN BERPROGRAM	6,090	1,147.2	4,940	1,247.3
SJA	1,731	695.3	1,093	409.8
SPF	2	0.9	2	0.9
KJK-2	4,357	451.0	191	21.9
SAF	-	-	3,545	764.9
SMF	-	-	109	49.8
PENSEKURITIAN	-	600.0	-	-
JUMLAH	13,004	4,566.5	10,368	3,013.6

Semenjak ditubuhkan pada tahun 1972, CGC secara kumulatifnya telah menjamin sebanyak 388,818 pinjaman bernilai RM41.8 bilion.

Tinjauan Operasi

Tinjauan operasi memaparkan bilangan pinjaman dan nilai yang dijamin di bawah Skim-skim Utama dan Skim-skim Pembiayaan Berprogram.

1. Arah Pinjaman

Bilangan dan nilai pinjaman dijamin berdasarkan sektor-sektor adalah seperti yang tertera di bawah:

Sektor	Bilangan pinjaman	Nilai pinjaman (RM juta)
Perniagaan am	8,470	2,281.0
Perkilangan	1,711	690.7
Pertanian	187	41.9
Jumlah	10,368	3,013.6

2. Taburan Pinjaman Mengikut Negeri

Tiga negeri penyumbang utama berdasarkan bilangan dan nilai pinjaman yang dijamin adalah seperti tertera di bawah:

Negeri	Bilangan pinjaman	Nilai pinjaman (RM juta)
Selangor	1,907	627.5
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1,756	680.4
Johor	1,610	390.7

3. Pinjaman Mengikut Kaum

Jadual yang tertera di bawah memperlihatkan bilangan dan nilai pinjaman yang dijamin mengikut kaum:

Kaum	Bilangan pinjaman	Nilai pinjaman (RM juta)
Bumiputera/Melayu	1,639	454.5
Cina	7,710	2,308.6
India	336	97.1
Lain-lain	683	153.4
Jumlah	10,368	3,013.6

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif (Sambungan)

4. Pinjaman Mengikut Saiz

Saiz pinjaman berdasarkan bilangan dan nilai pinjaman yang diluluskan bagi dua skim utama adalah seperti tertera di bawah:

Saiz pinjaman	Skim	SJLT		ENHANCER	
		Bilangan Pinjaman	Nilai Pinjaman (RM juta)	Bilangan Pinjaman	Nilai Pinjaman (RM juta)
Kurang daripada RM100,000		103	12.4	349	72.4
RM100,001 – RM200,000		127	21.7	457	72.5
RM200,001 – RM300,000		121	28.5	299	57.9
RM300,001 – RM500,000		183	70.6	449	135.6
RM500,001 – RM750,000		99	45.1	343	109.9
RM750,001 – RM10,000,000		430	338.2	1,159	740.1
Jumlah		1,063	516.5	3,056	1,188.4

Sorotan Kewangan

Dua sumber utama bagi perolehan CGC adalah yuran jaminan dan pendapatan daripada pelaburan. Perolehan daripada yuran jaminan telah meningkat kepada RM138.6 juta, mencatatkan penambahan pada kadar 24.6% (2007: RM111.2 juta), manakala pendapatan daripada pelaburan telah merosot pada kadar 0.2% kepada RM163.8 juta (2007: RM164.1 juta).

Pada tahun 2008, perbelanjaan operasi telah meningkat kepada RM329.7 juta daripada RM270.7 juta pada tahun 2007. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam peruntukan terhadap pinjaman gagal (NPL) yang telah meningkat kepada RM276.0 juta (2007: RM221.0 juta). CGC mencatatkan keuntungan bersih sebelum dipindahkan ke rizab berjumlah RM13.7 juta pada tahun 2008.

Setakat 31 Disember 2008, jumlah peruntukan untuk memenuhi tuntutan ke atas pinjaman yang dijamin oleh CGC adalah berjumlah RM344.5 juta berbanding RM338.1 juta pada tahun 2007.

Dari segi perolehan yang diterima, CGC telah berjaya memperolehi perolehan berjumlah RM37.0 juta (2007: RM32.3 juta), melebihi sasaran perolehan berjumlah RM35 juta bagi tahun 2008. Ini menunjukkan peningkatan pada kadar 14.6% dalam keseluruhan perolehan pada tahun 2008 berbanding dengan tahun 2007. Pada keseluruhannya, CGC telah meluluskan secara kumulatifnya 1,689 akaun bagi tujuan subrogasi bernilai RM852.8 juta bagi pinjaman SJLT dan 239 akaun bernilai RM46.1 juta bagi pinjaman bukan-SJLT.

Strategi Pertumbuhan Dan Halatuju

Seperti yang sedia maklum, situasi ekonomi yang mencabar serta ketidakpastian di dalam pemulihannya memberikan impak yang amat besar kepada ekonomi negara kita. Walau bagaimanapun, CGC terus yakin dengan keupayaannya untuk mengembangkan perniagaan seperti yang dipaparkan di dalam sasaran pencapaiannya pada tahun 2009. Justeru itu, CGC akan terus menyediakan keperluan asas

bagi mencapai sasaran tersebut. Sebahagian besar daripada keyakinan ini adalah berlandaskan kepada pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM60 bilion dan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan kerajaan untuk merangsang aktiviti ekonomi serta peningkatan permintaan domestik yang tinggi. Sebagai contohnya, peruntukan RM2.0 bilion di bawah Skim Kemudahan Bantuan PKS yang diwujudkan oleh BNM pada awal tahun telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dalam membantu PKS yang berdaya maju berhadapan kesan kemelesetan ekonomi. Dalam tempoh kurang daripada dua bulan selepas pelancarannya, sejumlah 1,154 akaun telah diluluskan bernilai RM233.7 juta pada April 2009. Pembiayaan tersebut yang diberi perlindungan jaminan secara automatik oleh CGC adalah untuk modal pusingan, pembiayaan projek dan pembelian aset.

Pada tahun 2009, CGC akan terus meningkatkan daya usahanya meluaskan lagi jangkauan kepada PKS dan bekerjasama erat dengan mereka memandangkan lebih ramai daripada kalangan mereka dijangka memerlukan bantuan kewangan dan khidmat nasihat daripada CGC bukan hanya untuk memperolehi skim-skim yang disediakan oleh BNM tetapi juga skim-skim jaminan yang ditawarkan oleh CGC.

Salah satu fokus utama CGC dalam membantu PKS yang menghadapi "tekanan" adalah pelaksanaan program bimbingan bagi membantu mereka menghadapi kesan daripada pengurangan permintaan domestik, peningkatan kos operasi, permasalahan aliran tunai, pekerjaan dan isu-isu operasi lain. CGC akan menawarkan pelbagai khidmat nasihat perniagaan dan juga memberi peluang untuk mengadakan perbincangan berhubung dengan penambahan keperluan pinjaman atau penstrukturan semula pinjaman mereka, jika mereka berhadapan dengan permasalahan aliran tunai. Sebagai langkah pro-aktif, CGC akan meningkatkan penyertaan di dalam pelbagai pameran dan seminar bagi PKS yang dianjurkan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensinya yang berkaitan, persatuan-persatuan perdagangan dan dewan-dewan perniagaan. Matlamat utamanya adalah untuk lebih mendekati para PKS bagi memahami kekwangan yang dihadapi dan menawarkan bantuan yang sewajarnya.



“CGC kini mengubah haluannya daripada menjamin pinjaman bersubsidi oleh kerana ia merancang untuk menjadikan perniagaannya berasaskan pasaran, suatu pendekatan yang sejajar dengan saranan kerajaan.”

CGC juga akan memberikan tumpuan kepada peningkatan pemerosesan dalaman bagi memenuhi harapan tinggi para peminjam dan mengoptimumkan kecekapan dan produktiviti keseluruhannya. Dengan adanya pembaharuan fokus secara penambahbaikan pemerosesan dalaman ini, PKS boleh mengharapkan tempoh pemerosesan pinjaman serta pengeluaran pinjaman dapat dipercepatkan. Pelbagai usaha telah diambil bagi mencapai matlamat ini termasuklah kepatuhan terhadap piagam pemerosesan pinjaman dan pemantauan ke atas pinjaman yang telah dikeluarkan di samping mempertingkatkan program bimbingan melalui SMIDEC, Entiti-entiti Khidmat Nasihat Perniagaan (BASE) yang dilantik serta institusi-institusi sokongan PKS yang lain.

Di samping itu juga, CGC akan terus memberikan keutamaan kepada inisiatif-inisiatif sedia ada bagi menambahbaik kualiti pinjaman, antaranya adalah meningkatkan mekanisme pemantauan, mempertingkatkan pemuliharaan serta penstrukturan semula proses-proses pinjaman. Memandangkan institusi-institusi kewangan memainkan peranan yang amat penting dalam mengenalpasti kualiti pinjaman-pinjaman yang diserahkan kepada CGC, beberapa langkah wajar telah diambil bagi menambahbaik kerjasama dengan institusi-institusi kewangan ini bagi memastikan bahawa mereka bukan sekadar membantu meningkatkan akses PKS kepada pinjaman tetapi juga bagi mendapatkan peminjam-peminjam berkualiti. Untuk memenuhi harapan masa kini dan akan datang para pelanggan, penambahbaikan infrastruktur teknologi maklumat juga dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan keupayaan dan kecekapan operasi.

CGC kini mengubah haluannya daripada menjamin pinjaman bersubsidi oleh kerana ia merancang untuk menjadikan perniagaannya berasaskan pasaran, suatu pendekatan yang sejajar dengan saranan kerajaan. Sebelum pendekatan ‘risk-adjusted pricing’ dilaksanakan, subsidi yang banyak telah diberikan ke atas yuran jaminan di mana ianya tidak terikat kepada profil risiko para peminjam. Langkah untuk menetapkan harga produk berdasarkan kepada profil risiko para peminjam adalah wajar bagi memastikan penggunaan dana kewangan yang terhad dengan lebih cekap. Ini dapat dilakukan melalui saluran yang betul kepada PKS yang berkelayakan. Strategi penentuan harga produk ini merupakan satu inisiatif CGC untuk

membuat persediaan rapi agar ianya terus berdaya maju dan kukuh kewangannya. Lebih penting lagi adalah untuk terus meluaskan jangkauan kepada PKS sebagai satu agenda utama CGC.

Disamping itu juga, CGC merancang untuk meluaskan lagi rangkaian produk dan perkhidmatannya bagi memenuhi keperluan PKS yang pelbagai lagi dinamik. Seajar dengan langkah ini, CGC telah mengadakan usahasama dengan Standard Chartered Bank pada April 2009 untuk menawarkan PKS dengan akses pembiayaan berportfolio. Para peminjam bukan sekadar dapat menikmati proses kelulusan pinjaman yang lebih baik tetapi juga pengeluaran pinjaman yang lebih cepat. Lebih banyak usahasama seumpama ini akan dilaksanakan dengan institusi-institusi kewangan lain dengan harapan agar lebih banyak akses pembiayaan diwujudkan, memperbanyakkan kemudahan-kemudahan serta mempercepatkan pemerosesan pinjaman sebagai salah satu usaha kami dalam memperkukuhkan lagi perkhidmatan pelanggan yang merupakan inisiatif utama pada tahun 2009.


Adalah menjadi harapan dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik ini, CGC akan mampu menghadapi krisis kewangan yang kompleks dan menjadi bertambah kukuh serta lebih stabil sebagai sebuah institusi penyokong PKS. Kami yakin pengalaman-pengalaman lalu membolehkan kami mengharungi masa-masa sukar ini. Kepada PKS pula, pelbagai program pembiayaan akan disediakan secukupnya serta sokongan khidmat nasihat bagi membolehkan mereka terus bertahan dalam perniagaan, beserta dengan sokongan padu pihak kerajaan dan BNM mempromosikan pembangunan PKS di negara ini. Kami mengharapkan tahun ini menghasilkan pertumbuhan yang sederhana, merupakan salah satu tahun yang amat mencabar dalam kalendar kewangan.

Datuk Wan Azhar Wan Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif


Sorotan Operasi

Bilangan dan Nilai Pinjaman Dijamin Terkumpul di bawah Semua Skim

Tahun	2004	2005	2006	2007	2008
Bilangan	349,356	357,923	365,446	378,450	388,818
Nilai (RM bilion)	27.9	31.2	34.2	38.8	41.8




Bilangan Pinjaman Dijamin Terkumpul di bawah Semua Skim



Nilai Pinjaman Dijamin Terkumpul di bawah Semua Skim

Pinjaman Dijamin (Mengikut Bilangan dan Nilai) di bawah Semua Skim


Tahun	2004	2005	2006	2007	2008
Bilangan	8,452	8,567	7,523	13,004	10,368
Nilai (RM bilion)	3.01	3.3	3.02	3.9	3.01




Taburan Saiz Pinjaman di bawah Semua Skim

Taburan Saiz Pinjaman (RM)	No.	%	Nilai (RM juta)	%
1,000 - 100,000	2,773	26.7	219.5	7.3
100,001 - 200,000	1,412	13.6	208.6	6.9
200,001 - 300,000	943	9.1	185.5	6.2
300,001 - 500,000	1,419	13.7	425.7	14.1
500,001 - 750,000	923	8.9	283.0	9.4
750,001 - 10,000,000	2,898	28.0	1,691.3	56.1
JUMLAH	10,368	100.0	3,013.6	100.0

Saiz Pinjaman Mengikut Bilangan




Saiz Pinjaman Mengikut Nilai




Pecahan Pinjaman Berdasarkan Kaum untuk Skim-skim Utama (Mengikut Nilai Pinjaman)

Bangsa	%	Nilai (RM juta)
Cina	72.3	1,277.7
Bumiputera/Melayu	17.8	313.7
India	4.3	76.2
Lain-lain	5.6	98.7
JUMLAH	100.0	1,766.3



Pecahan Pinjaman Berdasarkan Kaum untuk Skim-skim Pembiayaan Berprogram (Mengikut Nilai Pinjaman)

Bangsa	%	Nilai (RM juta)
Cina	82.6	1,030.7
Bumiputera/Melayu	11.3	140.9
India	1.7	21.0
Lain-lain	4.4	54.7
JUMLAH	100.0	1,247.3



Sokongan Pelanggan

'Membantu Perniagaan Anda Membesar'



Seperti yang terkandung dalam cogan kata CGC **'Membantu Perniagaan Anda Membesar'**, CGC merupakan peneraju pembangunan PKS, membantu PKS dalam semua sektor ekonomi untuk membangun dan mengembangkan perniagaan mereka melalui jaminan pinjaman dan khidmat nasihatnya. Secara purata, sebanyak 10,000 PKS memperoleh pembiayaan perniagaan dengan bantuan dan sokongan CGC setiap tahun. Pada tahun 2008, Pusat Khidmat Pelanggan CGC telah mengendalikan lebih daripada 42,000 pertanyaan daripada para pelanggan dari seluruh negara.

Menyedari bahawa PKS adalah merupakan komponen yang terpenting dalam perniagaannya dan kejayaan PKS adalah kejayaan CGC juga, CGC dengan proaktifnya telah melaksanakan langkah-langkah bagi membantu PKS dan para peminjam sedia ada yang terkena tamparan hebat daripada peningkatan kos operasi dan permasalahan aliran tunai ketika berhadapan kegawatan ekonomi.

Menyedari bahawa ianya merupakan kaedah efektif, CGC terus meluaskan jangkauan kepada PKS melalui sesi-sesi taklimat yang dianjurkan di seluruh negara bagi memastikan adanya platform

komunikasi dua hala untuk membincangkan masalah dan keperluan pembiayaan. Kesemua 16 buah cawangan CGC akan terus dijadikan sebagai tempat mengendalikan sesi-sesi taklimat yang mana ianya merupakan komponen penting dalam program sokongan pelanggan tahunan CGC.

PKS yang berhadapan dengan permasalahan aliran tunai ataupun getir mempertahankan operasi perniagaan dan melindungi pekerjaan, telah diberikan peluang untuk melakukan penstrukturan semula pinjaman dan tempoh pembayaran balik pinjaman mereka. Ini merupakan langkah jangka pendek dalam menempuhi tempoh yang mencabar ini.

CGC juga telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik proses dalaman yang kritikal bagi memastikan proses kelulusan dan pengeluaran pinjaman dipercepatkan. Langkah ini pastinya akan dihargai oleh PKS.

Menyedari akan pentingnya penambahbaikan tahap perkhidmatan yang berterusan, CGC akan terus melabur untuk mempertingkatkan prasarana teknologi maklumatnya dan sistem-sistem utama yang melibatkan pemerosesan dan juga pembangunan sumber manusia.

"Perkara terpenting yang perlu diingati ialah kejayaan sesebuah perniagaan bukanlah mengikut pandangannya sendiri. Pelanggan yang berpuas hati menandakan kejayaan sesebuah perniagaan."

Peter Drucker





Anugerah Pendokong Utama PKS Ke-13

CGC telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Pendokong Utama PKS kali ke-13. CGC mengiktiraf tujuh buah institusi kewangan berdasarkan kepada sumbangan besar mereka terhadap pembangunan PKS melalui penyertaan aktif mereka di dalam skim-skim jaminan kredit CGC. Tiga kategori baru telah diperkenalkan pada tahun 2008, salah satu daripadanya adalah Anugerah Rakan Kewangan Terbaik sebagai penghargaan kepada rakan kewangan yang memberikan sumbangan besar

terhadap aset kualiti CGC dan sokongan berterusan bagi penyaluran dana yang terhad kepada peminjam PKS yang berpotensi dalam mengekalkan tahap penilaian kredit yang baik. Kategori-kategori lain yang diperkenalkan adalah Anugerah Institusi Kewangan Pembangunan Terbaik (DFI) dan Anugerah Institusi Kewangan Islam Terbaik.

Penerima-penerima anugerah tersebut adalah CIMB Bank, SME Bank, EONCAP Islamic Bank, Maybank, OCBC Bank, RHB Bank dan Public Bank. CIMB Bank telah dinobatkan sebagai pemenang bagi Anugerah Rakan Kewangan Terbaik.

Pelancaran Skim Berteraskan Syari'ah 'Enhancer-i'

Pada Januari 2008, CGC telah melancarkan Enhancer-i iaitu skim jaminan kredit terbaru yang direka khas untuk memenuhi permintaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang semakin meningkat terhadap kemudahan pembiayaan berteraskan Syari'ah. Produk inovatif ini juga diperkenalkan bagi mempertingkatkan lagi akses PKS terhadap pembiayaan Islam. Produk ini telah dilancar dan dipromosikan melalui kempen pengiklanan selama sebulan dan kenyataan-kenyataan akhbar yang disiarkan di media cetak.

Institusi-institusi kewangan yang mengambil bahagian terdiri daripada Maybank, Affin Islamic Bank, Amlslamic Bank, Bank Islam Malaysia, Bank Muamalat Malaysia, CIMB Islamic Bank, EONCAP Islamic Bank, Hong Leong Islamic Bank, RHB Islamic Bank, Bank Rakyat, Agrobank dan the Malaysian Industrial Development Finance (MIDF).



SME Credit Bureau Beroperasi Sepenuhnya

Sebagai pengenalan kepada penubuhan SME Credit Bureau (M) Sdn. Bhd. pada Jun 2008, CGC telah menganjurkan Seminar SME Credit Bureau pada Mei 2008. Seminar tersebut bermatlamat untuk memupuk kesedaran tentang Biro di kalangan institusi-institusi kewangan dan komuniti PKS. Seminar tersebut telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Mohd Razif bin Abdul Kadir, Timbalan Gabenor, Timbalan Menteri, Bank Negara Malaysia. Seminar tersebut turut disertai oleh beberapa penceramah daripada International Finance Corporation, World Bank Group dan Hong Kong Commercial Bureau yang membicarakan hal-hal berkaitan pengalaman mereka dalam menguruskan perkhidmatan maklumat kredit dan isu-isu yang berkaitan dengannya.

SME Credit Bureau iaitu satu hasil usahasama antara CGC dan Dun & Bradstreet (M) Sdn. Bhd., ditubuhkan sebagai sebuah pusat pangkalan data bagi maklumat kredit PKS. Ianya telah beroperasi sepenuhnya dan memberikan khidmat kepada hampir 23,000 ahli dan 37 institusi kewangan. Untuk mendapatkan maklumat berkaitan Biro tersebut, sila layari laman webnya di www.smecb.com.

Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) Dengan OCBC Bank

CGC telah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan OCBC Bank yang merupakan bank asing pertama yang ditawarkan peluang untuk menyertai Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT). Ianya adalah berlandaskan penglibatan aktif bank berkenaan dalam skim-skim jaminan CGC dan pembiayaan kepada PKS. Usahasama ini juga merupakan salah satu usaha CGC untuk meluaskan lagi jangkauan kepada PKS.

CGC telah diwakili oleh Y.Bhg. Datuk Wan Azhar Wan Ahmad, Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif manakala OCBC Bank diwakili oleh Pengarah merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya iaitu Y.Bhg. Dato' Albert Yeoh.



Laporan Pengarah

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan CGC yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31hb. Disember, 2008.

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama CGC ialah memberi jaminan terhadap kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan kepada peminjam-peminjam oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan yang menjadi ahli CGC di bawah Skim-skim berikut:-

- o Skim Pembiayaan Francais (SPF);
- o Skim Jaminan Anjal – PROSPER (SJA – PROSPER);
- o Skim Jaminan Bank Terus (SJBT);
- o Skim Jaminan Laluan Terus (Semakan) ((SEMAKAN) SJLT);
- o Skim Jaminan Laluan Terus Islam (Semakan) ((SEMAKAN) SJLT-i);
- o Skim Jaminan Laluan Terus “Start Up” (SJLT-Start Up);
- o Skim Kredit “Enhancer” (ENHANCER);
- o Skim Kredit “Enhancer” Islam (ENHANCER-i);
- o Skim Kemudahan Jaminan Khas 2 (SKJK 2);
- o Skim Kemudahan Permodenan PKS (SKP PKS);
- o Skim Kemudahan Bantuan PKS (SKB PKS);
- o Skim Jaminan Laluan Terus – Skim Kemudahan Bantuan PKS (SJLT – SKB PKS);
- o Skim Kemudahan Permodenan PKS Islam (SKP PKS-i);
- o Skim Kemudahan Bantuan PKS Islam (SKB PKS-i);
- o Skim Jaminan Usahawan Kecil (Semakan) ((SEMAKAN) SJUK));
- o Skim Jaminan Usahawan Kecil – Bumiputra (Semakan) ((SEMAKAN) SJUK – BUMI);
- o Skim Jaminan Anjal – Tabung Industri Kecil & Sederhana 2 – (Semakan) ((SEMAKAN) SJA – TIKS2);
- o Skim Jaminan Anjal – Tabung Usahawan Baru 2 (Semakan) ((SEMAKAN) SJA – TUB2); dan
- o Skim Bantuan Jaminan PKS Islam (SBJ PKS-i).

Skim berikut telah ditamatkan, tapi masih belum dilupuskan:-

- o Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (TPUK) (ditamatkan sejak Mei 1999);
- o Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) (ditamatkan sejak Ogos 1998);
- o Tabung Usahawan Kecil (TUK) (ditamatkan sejak Januari 2000);
- o Tabung Ekonomi Belia (TEB) (ditamatkan sejak Julai 1998);
- o Skim Program Jaminan Usahawan (SPJU) (ditamatkan sejak November 2000);
- o Skim Kemudahan Jaminan Khas (KJK) (ditamatkan sejak Julai 2004); dan
- o Skim Jaminan Utama Baru (SJUB) (ditamatkan sejak Mac 2007).

Aktiviti utama subsidiari dihuraikan di dalam Nota 9 kepada penyata kewangan.

Tiada terdapat sebarang perubahan yang ketara dalam kegiatan CGC sepanjang tahun ini kecuali bagi pengenalan skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS seperti yang disebut di dalam Nota 22 kepada penyata kewangan.

2. HASIL KEWANGAN

	KUMPULAN RM	SYARIKAT RM
Untung bersih bagi tahun	11,162,217	13,716,033

3. DIVIDEN

Sehingga tahun kewangan yang lepas, CGC tidak mengisytiharkan atau membayar sebarang bayaran dividen.

Para pengarah tidak mencadangkan sebarang bayaran untuk dividen bagi tahun kewangan berakhir 31hb. Disember, 2008.

4. RIZAB DAN PERUNTUKAN

(a) Rizab

Para pengarah telah mencadangkan pindahan sebanyak RM54,336,727 dari/(ke) untung terkumpul CGC pada tahun ini ke rizab-rizab berikut:-

	RM
Rizab Khas	48,511,698
Rizab Program Khas	11,683,374
Rizab SPI	(5,858,345)
	54,336,727

(b) Peruntukan untuk tuntutan-tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan

Bagi tahun ini, peruntukan kepada tuntutan yang mungkin dibuat ke atas CGC sebanyak RM275,970,241 telah dicajkan kepada penyata pendapatan.

5. HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan tindakan telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan hutang ragu, dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk telah dihapuskan dan peruntukan hutang ragu yang mencukupi telah disediakan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang memerlukan mana-mana hutang dihapuskan sebagai hutang lapuk atau jumlah peruntukan hutang ragu yang disediakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi pada kadar yang ketara.

6. ASET SEMASA

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa harta semasa, yang tidak berkemungkinan menunjukkan nilai buku yang sebenar dalam urusan perniagaan biasa Kumpulan dan Syarikat, telah diturun nilai ke paras yang dijangka dapat dihasilkan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan di mana nilai harta semasa Kumpulan dan Syarikat di dalam penyata kewangan mengelirukan.

7. CARA MENILAI

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang wujud berkaitan cara menilai harta atau tanggungan Kumpulan dan Syarikat yang boleh mengelirukan atau tidak sesuai.

8. LIABILITI LUARJANGKA DAN LAIN-LAIN LIABILITI

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:-

- (a) sebarang gadaian ke atas harta Kumpulan dan Syarikat sejak 31hb. Disember, 2008 untuk menjamin liabiliti orang lain; dan
- (b) apa-apa liabiliti luarjangka ke atas Kumpulan dan Syarikat sejak 31hb. Disember, 2007.

Tidak ada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang telah atau mungkin dituntut dalam jangkamasa dua belas bulan dari 31hb. Disember, 2008 yang mana, mengikut pendapat para pengarah, akan atau boleh menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat dalam memenuhi tanggungan apabila tiba masanya.

Laporan Pengarah (Sambungan)

9. PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh membuat jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

10. PERKARA-PERKARA YANG LUARBIASA

Mengikut pendapat para pengarah:-

- (a) hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31hb. Disember, 2008 tidak terjejas dengan banyak oleh sebarang butiran, urusanniaga atau kejadian yang penting dan luarbiasa; dan
- (b) tidak ada butiran, urusanniaga atau kejadian penting dan luarbiasa yang berbangkit dari 31hb. Disember, 2008 hingga tarikh laporan ini, yang akan menjejaskan dengan nyata hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang mana laporan ini dibuat.

11. PENGARAH-PENGARAH

Pengarah-pengarah CGC yang memegang jawatan semenjak tarikh Laporan Pengarah yang terakhir adalah:-

Dato' Zamani Abdul Ghani – Pengerusi
Datuk Wan Azhar Wan Ahmad – Pengarah Urusan
Encik Md. Yusof Hussin
Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed
Datuk P. Kasi
Dato' Tan Yew Thong
Dato' Mohd Rosli Abdul Aziz
Puan Zaiton Mohd Hassan
Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz (bersara pada 5.4.2009)

Tidak ada pengarah yang memiliki kepentingan di dalam saham CGC sepanjang tahun yang diliputi oleh penyata pendapatan.

Encik Md. Yusof Hussin, Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed dan Datuk P. Kasi bersara berdasarkan Fasal 76A dan 76B Tataurusan Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri untuk dilantik semula.

12. FAEDAH PENGARAH

Sejak tahun kewangan yang berakhir, tidak ada pengarah CGC yang telah menerima atau berkecualan menerima apa-apa faedah (selain dari faedah yang termasuk dalam jumlah ganjaran yang diterima atau berhak diterima oleh pengarah-pengarah seperti yang tertera di dalam penyata kewangan, atau gaji tetap bagi pekerja sepenuh masa CGC) mengikut kontrak yang dibuat oleh CGC dengan pengarah atau dengan firma di mana pengarah itu adalah ahli, atau dengan syarikat lain di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Sama ada pada akhir tahun kewangan atau pada bila-bila masa di sepanjang tahun, CGC tidak terlibat dalam sebarang rancangan yang bertujuan untuk membolehkan pengarah memperoleh manfaat melalui pembelian saham atau debentur CGC atau mana-mana syarikat lain.

13. PEROLEHAN SUBSIDIARI DALAM TAHUN

Pada 3hb. Jun, 2008, CGC memperoleh 2 saham-saham biasa berharga RM1.00 sesaham, yang diterbitkan dan merupakan modal saham berbayar dalam SME Credit Bureau (M) Sdn. Bhd. dengan jumlah imbuhan tunai sebanyak RM2.00.

14. JURUAUDIT

Salleh, Leong, Azlan & Co. telah menyatakan kesediaan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani mengikut resolusi Lembaga Pengarah,



DATO' ZAMANI ABDUL GHANI
Pengerusi



MD. YUSOF HUSSIN
Pengarah

Kuala Lumpur,
Tarikh: 24hb. April, 2009

Kunci Kira-Kira

pada 31hb. Disember, 2008

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		2008 RM	2008 RM	2007 RM	2007 RM
ASET-ASET					
Aset-aset Bukan Semasa					
Harta tanah, loji dan peralatan	7	48,589,594	41,332,473	34,451,695	
Prabayar bayaran tanah pajakan	8	2,936,281	2,936,281	2,971,272	
Pelaburan dalam subsidiari	9	–	2	–	
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	10	214,715	200,000	200,000	
Dana Pelaburan Asing	11	1,894,316	1,894,316	1,054,966	
		53,634,906	46,363,072	38,677,933	
Aset-aset Semasa					
Yuran akan diterima		42,806,660	42,806,660	27,430,968	
Jumlah belum dibayar dari subsidiari	12	–	10,003,898	–	
Jumlah belum dibayar dari Bank Negara Malaysia	13	5,194,480	5,194,480	3,010,397	
Penghutang perniagaan dan lain-lain		4,912,440	4,778,668	8,534,619	
Pinjaman dan pendahuluan	14	160,185,818	160,185,818	187,070,510	
Sekuriti pelaburan dan faedah akan diterima	15	362,955,206	362,955,206	262,823,752	
Simpanan tetap dan faedah akan diterima	16	4,921,850,800	4,921,850,800	4,140,389,549	
Wang tunai dan baki-baki bank		15,309,895	15,253,211	4,999,736	
		5,513,215,299	5,523,028,741	4,634,259,531	
JUMLAH ASET-ASET		5,566,850,205	5,569,391,813	4,672,937,464	
EKUITI DAN LIABILITI-LIABILITI					
Ekuiti Yang Diagihkan Kepada Pemegang-pemegang Saham Syarikat					
Modal Saham	17	1,635,600,000	1,635,600,000	1,635,600,000	
Rizab-rizab	18	751,971,560	754,525,376	740,809,343	
JUMLAH EKUITI		2,387,571,560	2,390,125,376	2,376,409,343	
Liabiliti-liabiliti Bukan Semasa					
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	19	650,000,000	650,000,000	650,000,000	
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	20	25,475,929	25,475,929	20,000,000	
Skim Jaminan Usahawan Kecil	21	79,000,000	79,000,000	79,000,000	
Skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS	22	850,000,000	850,000,000	–	
		1,604,475,929	1,604,475,929	749,000,000	
Liabiliti-liabiliti Semasa					
Tuntutan-tuntutan pemiutang		48,848,427	48,848,427	34,298,179	
Pemiutang-pemiutang lain		83,557,650	83,545,442	75,138,347	
Dana-dana Kerajaan	23	300,000,000	300,000,000	300,000,000	
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	19	300,000,000	300,000,000	300,000,000	
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	20	4,524,071	4,524,071	10,000,000	
Tabung Usahawan Kecil	24	490,000,000	490,000,000	490,000,000	
Pendapatan tertangguh	25	3,416,874	3,416,874	–	
Peruntukan Tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan	26	344,455,694	344,455,694	338,091,595	
		1,574,802,716	1,574,790,508	1,547,528,121	
JUMLAH LIABILITI-LIABILITI		3,179,278,645	3,179,266,437	2,296,528,121	
JUMLAH EKUITI & LIABILITI-LIABILITI		5,566,850,205	5,569,391,813	4,672,937,464	

Nota-nota di muka surat 98 hingga 121 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Pendapatan

bagi tahun berakhir 31hb. Disember, 2008

		KUMPULAN 2008 RM	2008 RM	SYARIKAT 2007 RM
	Nota			
HASIL	31	302,402,524	302,375,166	275,238,904
PELBAGAI PENDAPATAN KENDALIAN		40,741,226	41,006,773	38,167,477
		343,143,750	343,381,939	313,406,381
PERBELANJAAN KEBAJIKAN PEKERJA		(24,988,129)	(24,503,258)	(22,670,122)
SUSUTNILAI HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN	7	(5,954,709)	(5,488,962)	(4,138,377)
PELUPUSAN PRABAYAR BAYARAN TANAH PAJAKAN	8	(34,991)	(34,991)	(34,991)
PERUNTUKAN TUNTUTAN		(275,970,241)	(275,970,241)	(220,995,355)
FAEDAH KE ATAS PINJAMAN KERAJAAN		(12,375,000)	(12,375,000)	(12,375,000)
PELBAGAI PERBELANJAAN KENDALIAN		(12,673,178)	(11,293,454)	(10,493,404)
JUMLAH PERBELANJAAN KENDALIAN		(331,996,248)	(329,665,906)	(270,707,249)
PERKONGSIAN HASIL KEUNTUNGAN DARI SYARIKAT BERSEKUTU		14,715	-	-
UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN	32	11,162,217	13,716,033	42,699,132

Nota-nota di muka surat 98 hingga 121 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Ekuiti

bagi tahun berakhir 31hb. Disember, 2008

	Pengagihan ekuiti kepada pemegang-pemegang saham Syarikat						Jumlah RM
	Modal Saham Biasa RM	Modal Saham Keutamaan RM	Tidak Boleh Diagihkan		Boleh Diagihkan		
			Rizab Khas RM	Rizab Program Khas RM	Rizab SPI RM	Untung Terkumpul RM	
KUMPULAN							
<i>Baki pada</i>							
1hb. Januari, 2008	1,435,600,000	200,000,000	116,378,130	149,723,859	32,592,077	442,115,277	2,376,409,343
Untung bersih bagi tahun	-	-	-	-	-	11,162,217	11,162,217
Pindahan di antara rizab-rizab	-	-	48,511,698	11,683,374	(5,858,345)	(54,336,727)	-
<i>Baki pada</i>							
31hb. Disember, 2008	1,435,600,000	200,000,000	164,889,828	161,407,233	26,733,732	398,940,767	2,387,571,560
SYARIKAT							
<i>Baki pada</i>							
1hb. Januari, 2007	1,435,600,000	200,000,000	79,602,026	128,298,417	32,205,736	458,004,032	2,333,710,211
Untung bersih bagi tahun	-	-	-	-	-	42,699,132	42,699,132
Pindahan di antara rizab-rizab	-	-	36,776,104	21,425,442	386,341	(58,587,887)	-
<i>Baki pada</i>							
31hb. Disember, 2007	1,435,600,000	200,000,000	116,378,130	149,723,859	32,592,077	442,115,277	2,376,409,343
Untung bersih bagi tahun	-	-	-	-	-	13,716,033	13,716,033
Pindahan di antara rizab-rizab	-	-	48,511,698	11,683,374	(5,858,345)	(54,336,727)	-
<i>Baki pada</i>							
31hb. Disember, 2008	1,435,600,000	200,000,000	164,889,828	161,407,233	26,733,732	401,494,583	2,390,125,376

Nota-nota di muka surat 98 hingga 121 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

bagi tahun berakhir 31hb. Disember, 2008

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2008 RM	2008 RM	2008 RM	2007 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN				
Untung bersih bagi tahun	11,162,217	13,716,033		42,699,132
<i>Pelarasan untuk:</i>				
<i>Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan</i>	5,954,709	5,488,962		4,138,377
<i>Pelupusan prabayar bayaran tanah pajakan</i>	34,991	34,991		34,991
<i>Peruntukan tuntutan</i>	275,970,241	275,970,241		220,995,355
<i>Kos pelupusan terkumpul ke atas bon-bon</i>	526,952	526,952		83,748
<i>Perkongsi hasil keuntungan dari pelaburan dalam syarikat bersekutu</i>	(14,715)			-
<i>Untung atas pelupusan jualan harta tanah, loji dan peralatan</i>	(45,638)	(45,638)		(3,040)
<i>Pelupusan harta tanah, loji dan peralatan</i>	4	4		-
Keuntungan pengendalian sebelum perubahan dalam modal pusingan	293,588,761	295,691,545		267,948,563
<i>Tambahan dalam yuran akan diterima</i>	(15,375,692)	(15,375,692)		(7,936,219)
<i>Kurangan/(tambahan) faedah akan diterima</i>	12,474,866	12,474,866		(2,823,863)
<i>Kurangan/(tambahan) penghutang-penghutang lain</i>	3,622,179	3,755,951		(3,552,013)
<i>Kurangan pinjaman dan pendahuluan</i>	26,884,692	26,884,692		34,513,847
<i>Tambahan dalam jumlah belum berbayar dari Bank Negara Malaysia</i>	(2,184,083)	(2,184,083)		(3,010,397)
<i>Tambahan dalam jumlah belum berbayar dari subsidiari</i>		(10,003,898)		-
<i>Tambahan dalam lain-lain pemiutang</i>	8,419,303	8,407,095		16,055,687
<i>(Kurangan)/tambahan tuntutan-tuntutan pemiutang</i>	(6,894,460)	(6,894,460)		1,841,149
Wang tunai dihasilkan dari pengendalian	320,535,566	312,756,016		303,036,754
<i>Pembayaran tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan</i>	(248,161,434)	(248,161,434)		(248,338,055)
Wang tunai bersih dihasilkan daripada kegiatan pengendalian	72,374,132	64,594,582		54,698,699
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN				
<i>Perolehan dari sekuriti pelaburan matang</i>	71,520,000	71,520,000		45,703,799
<i>Pelaburan dalam syarikat bersekutu</i>				(200,000)
<i>Pelaburan dalam subsidiari</i>		(2)		-
<i>Perolehan dari penjualan harta tanah, loji dan peralatan</i>	45,740	45,740		9,099
<i>Pelaburan dalam Dana Pelaburan Asing</i>	(839,350)	(839,350)		(1,054,966)
<i>Pembelian harta tanah, loji dan peralatan</i>	(20,092,714)	(12,369,846)		(4,850,168)
<i>Pembelian sekuriti pelaburan</i>	(168,885,510)	(168,885,510)		(45,000,000)
Wang tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan	(118,251,834)	(110,528,968)		(5,392,236)
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN				
<i>Pembayaran balik dana dari Permodalan Nasional Berhad</i>				(10,000,000)
<i>Dana-dana dari Bank Negara Malaysia</i>	850,000,000	850,000,000		-
Wang tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan	850,000,000	850,000,000		(10,000,000)
PERTAMBAHAN BERSIH WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI DALAM TAHUN				
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI PADA 1HB. JANUARI	4,083,292,686	4,083,292,686		4,043,986,223
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI PADA 31HB. DISEMBER	4,887,414,984	4,887,358,300		4,083,292,686
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI MERANGKUMI:				
<i>Simpanan bertempoh (Nota 16)</i>	4,872,105,089	4,872,105,089		4,078,292,950
<i>Wang tunai dan baki dalam bank</i>	15,309,895	15,253,211		4,999,736
	4,887,414,984	4,887,358,300		4,083,292,686

Nota-nota di muka surat 98 hingga 121 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Nota Kepada Penyata Kewangan

– 31hb. Disember, 2008

1. ASAS PERAKAUNAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan ("FRS") dan peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Kesemua polisi perakaunan utama yang dinyatakan di bawah adalah konsisten dengan yang digunakan tahun terdahulu selain daripada FRS yang baru dan yang disemak semula sepertimana dinyatakan di bawah:-

(a) FRS Yang Telah Berkuatkuasa

Dalam tahun semasa, Kumpulan telah menerimapakai FRS yang baru dan disemak semula seperti berikut yang berkaitan dengan operasinya dan telah berkuatkuasa bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1hb. Julai, 2007:-

FRS 107	Penyata Aliran Tunai
FRS 112	Cukai Pendapatan
FRS 118	Pendapatan
FRS 121	Perubahan kepada FRS 121, Kesan Perubahan Kadar Tukaran Matawang Asing – Pelaburan Bersih di dalam Operasi Asing
FRS 137	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

FRS 107, 112, 118 dan 137 telah disemak semula untuk mengeluarkan panduan tempatan dan bahan editorial untuk menyeragamkan dengan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa. Semua adaptasi piawaian ini tidak menghasilkan sebarang perubahan yang signifikan ke atas polisi perakaunan Kumpulan dan tiada impak yang signifikan ke atas jumlah yang dilaporkan di dalam penyata kewangan.

Perubahan kepada FRS 121 mengkehendaki kesemua perbezaan kadar tukaran terhasil daripada butiran kewangan yang merupakan sebahagian daripada jumlah bersih pelaburan Kumpulan di dalam operasi asing, diiktiraf sebagai komponen berasingan ekuiti di dalam penyatuan penyata kewangan tanpa mengambilkira tempat matawang tersebut sah diperlakukan. Adaptasi perubahan ini tidak akan mempunyai kesan kewangan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan.

(b) FRS Yang Belum Berkuatkuasa dan Belum Diterimapakai Lagi

Kumpulan tidak menerimapakai lagi FRS baru yang berikut dan interpretasi "Issues Committee" yang telah dikeluarkan oleh MASB tetapi masih belum berkuatkuasa:-

Berkuatkuasa bagi tahun kewangan pada atau selepas		
FRS 4	Kontrak Insuran	1hb. Januari, 2010
FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan	1hb. Januari, 2010
FRS 8	Segmen Operasi	1hb. Julai, 2009
FRS 139	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran	1hb. Januari, 2010
Interpretasi IC 9	Penilaian Semula Derivatif Terbenam	1hb. Januari, 2010
Interpretasi IC 10	Pelaporan Kewangan Interim dan Rosotnilai	1hb. Januari, 2010

FRS 4: Kontrak Insuran

FRS 4 menetapkan laporan kewangan untuk kontrak insuran bagi entiti yang mengeluarkan kontrak sebegitu ("penanggung insuran"). Secara terperinci piawaian ini mengkehendaki pendedahan yang mengenal pasti dan menerangkan jumlah-jumlah yang terhasil daripada kontrak insuran di dalam penyata kewangan penanggung insuran dan membantu pengguna penyata kewangan tersebut untuk memahami jumlah-jumlah, ketentuan masa dan ketidaktentuan aliran tunai masa hadapan. FRS 4 tidak relevan kepada kendalian Kumpulan.

FRS 7: Instrumen Kewangan – Pendedahan

FRS 7 mengkehendaki pendedahan maklumat berkaitan dengan kesan nyata instrumen kewangan ke atas posisi kewangan dan prestasi sesebuah entiti serta sifat dan kesan risiko terhasil daripada instrumen kewangan yang mana entiti tersebut didedahkan semasa tempoh kewangan dan pada tarikh laporan dan bagaimana entiti itu menguruskan risiko-risiko tersebut. Kesan menggunakan FRS 7 ke atas penyata kewangan kali pertama tidak didedahkan berikutan pengecualian di bawah perenggan 44AB piawaian ini.

FRS 8: Pengendalian Bahagian-bahagian

FRS 8 mengkehendaki entiti untuk melaporkan maklumat kewangan dan huraian maklumat mengenai bahagian-bahagian di bawah kendaliannya menggunakan asas yang sama seperti yang digunakan untuk laporan dalaman dalam menilai prestasi kendalian bahagian-bahagian dan membuat keputusan dalam mengagihkan sumber-sumber kepada bahagian-bahagian yang dikendalikan. Piawaian ini tidak relevan kepada Kumpulan memandangkan instrumen ekuitinya tidak diniagakan dalam pasaran awam.

1. ASAS PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(b) FRS Yang Belum Berkuatkuasa dan Belum Diterimapakai Lagi (Sambungan)

FRS 139 : Instrumen Kewangan – Pengenalan dan Pengukuran

FRS 139 menetapkan prinsip-prinsip bagi mengenali dan mengukur aset kewangan, liabiliti kewangan dan beberapa kontrak untuk membeli atau menjual item-item yang tidak berbentuk kewangan. Perakaunan lindungan hanya dibenarkan di bawah syarat-syarat yang ketat. Kesan mengguna pakai FRS 139 ke atas penyata kewangan bagi kali pertama telah tidak didedahkan berikutan pengecualian di bawah perenggan 103AB, FRS 139.

Interpretasi IC 9: Penilaian Semula Derivatif Terbenam

Interpretasi IC 9 mengkehendaki setiap entiti menilai sama ada derivatif terbenam perlu diasingkan daripada kontrak utama dan diambilkira sebagai derivatif apabila entiti berkaitan pertama kali terikat dengan kontrak tersebut. Penilaian semula adalah dilarang melainkan sekiranya ada perubahan dalam terma kontrak yang mengubah aliran tunai secara signifikan melainkan sepertimana dikehendaki oleh kontrak maka mengakibatkan penilaian semula adalah dikehendaki. Penggunaan pakai interpretasi ini tidak akan mempunyai kesan kewangan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

Interpretasi IC 10 : Pelaporan Kewangan Interim dan Rosotnilai

Interpretasi IC 10 tidak membenarkan pengiktirafan rugi rosotnilai di dalam jangkamasa interim terdahulu berkaitan muhibbah atau pelaburan sama ada di dalam instrumen ekuiti atau aset kewangan yang dinyatakan pada kos yang akan ditukar semula pada tarikh kunci kira-kira yang berikut. Adaptasi interpretasi ini tidak akan mempunyai kesan kewangan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

2. MAKLUMAT AM

Penyata kewangan CGC telah diluluskan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah pada 24hb. April, 2009.

CGC ialah sebuah syarikat awam yang mempunyai liabiliti terhad, ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar CGC ialah di Aras 13, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya.

Tempat urusan perniagaan utama CGC ialah di Aras 13-16, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya.

3. POLISI-POLISI BAGI RISIKO KEWANGAN

Di dalam kegiatan harian, Kumpulan dan Syarikat terdedah kepada empat jenis risiko utama iaitu risiko kredit, risiko pasaran, risiko kecairan dan risiko kendalian.

(a) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian terhadap Kumpulan dan Syarikat oleh kerana pihak yang dijamin atau pihak yang berkaitan gagal memenuhi tuntutan kewangan terhadap pemiutang masing-masing.

Risiko kredit daripada Jaminan

CGC mengurus risiko kredit dengan menilai peminjam berdasarkan model "In House Credit-Scoring". CGC menggunakan model ini bagi mengukur kemandapan pinjaman pada tahap pengukuran yang ditetapkan.

Risiko kredit yang wujud daripada instrumen kewangan

Pendedahan risiko kredit daripada pelaburan dalam instrumen kewangan dikurangkan dengan cara melabur dalam institusi-institusi kewangan berlesen. Bagi instrumen hutang, CGC hanya melabur dalam instrumen hutang yang bertaraf tinggi sahaja.

(b) Risiko Pasaran

Risiko pasaran terhasil daripada pergerakan yang merugikan di dalam harga pasaran pelaburan.

CGC melabur di dalam instrumen hutang bertaraf tinggi terutamanya untuk pendapatan faedah/dividen, dengan memegang pelaburan tersebut sehingga matang. Oleh itu, CGC hanya terdedah kepada risiko pasaran yang minima.

Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)

– 31hb. Disember, 2008

3. POLISI-POLISI BAGI RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(c) Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang wujud bila CGC menempuh kesulitan dalam mewujudkan dana untuk memenuhi tuntutan kewangannya pada kos dan dalam masa yang berpatutan. Risiko kecairan ditangani dengan mempelbagaikan kematangan pelaburan kepada jangkamasa yang berlainan berdasarkan jarak kematangan.

(d) Risiko Kendalian

Risiko kendalian adalah risiko daripada kerugian langsung atau tidak langsung akibat dari ketidaktepatan atau kegagalan proses dalaman, kakitangan dan sistem, atau faktor luaran. Kumpulan dan Syarikat mengurangkan risiko kendaliannya dengan mewujudkan sistem kawalan dalaman dan peraturan yang komprehensif, yang mana disemak secara kerap dan diaudit dari masa ke semasa oleh juruaudit dalaman.

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

(a) Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang telah disatukan adalah terdiri daripada penyata kewangan CGC dan subsidiari yang disediakan sehingga ke akhir tahun kewangan.

Subsidiari adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal polisi-polisi kewangan dan kendalian bagi memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktivitinya, pada amnya melalui pemegangan saham yang melebihi separuh daripada hak mengundi.

Maklumat terperinci subsidiari ini dinyatakan di dalam Nota 9 kepada penyata kewangan.

Subsidiari-subsidiari disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan belian di mana keputusan subsidiari yang diambil dan dijual pada tahun kewangan semasa dimasukkan dari tarikh di mana kuasa pengawalan dipindahkan ke Kumpulan dan tidak lagi disatukan pada tarikh di mana kuasa pengawalan telah tamat. Pada tarikh pembelian, nilai semasa aset-aset subsidiari, liabiliti serta liabiliti-liabiliti luarjangka adalah dikenalpasti dan ditunjukkan di dalam penyata kewangan yang disatukan. Kos pembelian adalah ditentukan sebagai nilai semasa aset-aset yang diberi, instrumen ekuiti yang dikeluarkan dan liabiliti-liabiliti yang dikenakan atau diandaikan pada tarikh pertukaran termasuk kos yang berkaitan di atas pembelian itu.

Keuntungan atau kerugian di atas penjualan subsidiari iaitu perbezaan di antara perolehan jualan bersih dan hak Kumpulan ke atas aset-aset bersihnya termasuk jumlah terkumpul daripada perbezaan pertukaran matawang berkaitan subsidiari diambilkira di dalam penyata kewangan yang disatukan.

Jumlah aset-aset dan liabiliti-liabiliti subsidiari dimasukkan di dalam kunci kira-kira Kumpulan manakala kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti ke atas aset-aset bersih dinyatakan secara berasingan. Semua urusan-urusan penting antara syarikat-syarikat, baki-baki dan untung belum direalisasikan ke atas urusan-urusan adalah dihapuskan semasa penyatuan dan kerugian belum direalisasi ke atas urusan-urusan juga dihapuskan melainkan sekiranya kos tidak dapat diperolehi semula.

(b) Harta tanah, Loji dan Peralatan

Harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos dan ditolak darinya jumlah susutnilai terkumpul. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos harta tanah, loji dan peralatan kepada nilai sisa, mengikut jangkamasa anggaran usia guna aset-aset tersebut. Kadar tahunan susut nilai untuk tujuan ini adalah seperti berikut:-

Bangunan	4%
Semua aset-aset lain dari harta tanah, loji dan peralatan	20%

Apabila harta tanah, loji dan peralatan dijual, keuntungan atau kerugian yang terhasil dari jualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai yang dibawa dan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

(c) Pajak-pajakan

Pajakan diiktiraf sebagai pajak pembiayaan jika sebahagian besar risiko dan manfaat berkaitan pemilikan berpindah kepada Kumpulan dan Syarikat. Semua pajak-pajakan selainnya dikelaskan sebagai pajak-pajakan kendalian.

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(c) **Pajakan-pajakan (Sambungan)**

(i) **Pajakan pembiayaan**

Aset-aset yang diperolehi secara sewa beli atau pajakan-pajakan kewangan adalah dinyatakan pada nilai terendah di antara nilai saksama dan nilai semasa pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Liabiliti yang berkaitan ditunjukkan sebagai pinjaman di dalam kunci kira-kira. Dalam pengiraan nilai semasa pembayaran pajakan minima, faktor diskaun yang digunakan ialah kadar faedah terkandung di dalam pajakan apabila ia boleh ditentukan secara praktikal; jika tidak, kadar pinjaman bertingkat CGC akan digunakan.

Bayaran pajakan diagihkan di antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Kos kewangan, yang mewakili perbezaan di antara keseluruhan komitmen pajakan dan nilai saksama aset yang diambilalih, adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan di sepanjang penggal pajakan berkenaan untuk menghasilkan kadar berkala yang tetap ke atas baki tanggungan untuk setiap tempoh perakaunan.

Polisi susutnilai bagi aset-aset pajakan adalah konsisten dengan susutnilai hartanah, loji dan peralatan seperti dinyatakan dalam Nota 4(b).

(ii) **Pajakan kendalian**

Pembayaran pendahuluan yang dibuat ke atas tanah pegang pajak di bawah pajakan kendalian, dianggap sebagai prabayar bayaran tanah pajakan dan dilunaskan mengikut baki tempoh pajakan. Pembayaran yang dibuat di bawah lain-lain pajakan kendalian dicajkan kepada penyata pendapatan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(d) **Rosotnilai Aset**

Nilai yang dibawa oleh aset-aset (selain daripada aset-aset kewangan) dikira semula bagi rosotnilai apabila terdapat tanda-tanda rosotnilai. Rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai yang dibawa oleh aset dengan nilai semasa aset. Nilai semasa aset adalah nilai tertinggi di antara nilai bersih apabila aset direalisasikan dan nilai yang digunakan, di mana ianya dinilai dengan merujuk kepada aliran tunai masa hadapan yang didiskaun. Jumlah semasa aset adalah dianggarkan bagi setiap aset atau, jika ianya tidak mungkin, dari unit yang menerbitkan tunai yang berkaitan.

Kerugian rosotnilai dicajkan ke penyata pendapatan dengan segera. Sebarang kenaikan dari nilai sebenar aset dikira sebagai pulangan bagi kerugian rosotnilai yang sebelumnya dan dikenalpasti hingga ke tahap nilai yang dibawa oleh aset itu di mana ianya telah ditentukan (jumlah bersih setelah pelunasan dan susutnilai) tiada kerugian rosotnilai yang telah dikenalpasti. Pulangan semula diambilkira di dalam penyata pendapatan dengan segera.

(e) **Pelaburan dalam syarikat bersekutu**

Syarikat bersekutu adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara dalam pengurusan, tetapi bukannya dikuasai dan bukannya subsidiari ataupun entiti yang dikawal bersama. Pengaruh yang kuat adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam memutuskan dasar kewangan dan kendalian syarikat bersekutu tetapi tiada kuasa untuk mengawal dasar-dasar tersebut.

Hasil bagi Kumpulan dalam syarikat bersekutu diambilkira dalam penyatuan penyata kewangan melalui kaedah perakaunan ekuiti. Hasil dari syarikat bersekutu tidak akan dinyatakan dalam penyata pendapatan Kumpulan sekiranya nilai yang dibawa sebagai pelaburan di dalam syarikat bersekutu adalah hampir kepada kosong melainkan Kumpulan mempunyai tanggungan atau jaminan tanggungan terhadap syarikat bersekutu. Di dalam kunci kira-kira yang disatukan kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan dicampur bahagian pasca pemilikan keuntungan terkumpul dan rizab selepas ditolak rosotnilai. Di mana perlu, penyesuaian dibuat ke atas penyata kewangan syarikat bersekutu untuk memastikan ianya konsisten dengan polisi perakaunan Kumpulan.

Kumpulan telah menggunakan akaun pengurusan syarikat bersekutu bagi tujuan perakaunan ekuiti di dalam penyata kewangan yang disatukan.

Butiran-butiran syarikat bersekutu CGC ditunjukkan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan.

(f) **Pelaburan-pelaburan**

Pelaburan-pelaburan dianggap sebagai jangka panjang oleh para pengarah di mana ianya dinyatakan pada kos dalam penyata-penyata kewangan CGC. Elaun untuk pengurangan dalam nilai pelaburan dibuat apabila pada pertimbangan para pengarah telah berlakunya penurunan, selain daripada penurunan sementara, dalam nilai pelaburan.

Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)

– 31hb. Disember, 2008

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Pinjaman dan Pendahuluan

Pinjaman dan pendahuluan dinyatakan pada kos setelah ditolak peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu.

Berdasarkan penilaian yang dibuat oleh pihak pengurusan ke atas portfolio pinjaman, peruntukan khas untuk hutang ragu dibuat bila kemampuan untuk memungut semula hutang diragui.

Pinjaman yang tidak boleh dipungut semula atau sebahagian pinjaman yang dikelaskan sebagai hutang lapuk diluputkan bila prospek untuk ianya dipungut menjadi tipis.

(h) Sekuriti Pelaburan

Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bon Cagamas, Pelaburan Struktur dan Bon-bon lain adalah dinyatakan mengikut kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah atas dasar portfolio.

(i) Pengiraan Hasil

Yuran jaminan diambilkira atas dasar terakru mengikut tempoh masa jaminan masing-masing.

Pendapatan faedah daripada simpanan tetap dan Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bon Cagamas, Pelaburan Struktur dan Bon-bon lain diambilkira atas dasar terakru.

(j) Penukaran Matawang Asing

Urusniaga-urusniaga di dalam matawang asing ditukarkan ke dalam Ringgit Malaysia menurut kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, butiran berasaskan kewangan di dalam matawang asing ditukarkan pada kadar tukaran yang diurusniagakan pada tarikh tersebut. Butiran tidak berasaskan kewangan yang dinyatakan pada nilai saksama di dalam matawang asing ditukarkan pada kadar tukaran pada tarikh nilai saksama dikenalpasti. Butiran tidak berasaskan kewangan yang diukur berdasarkan kos asal di dalam matawang asing tidak ditukarkan.

(k) Peruntukan Tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan

Peruntukan khas untuk memenuhi tuntutan telah dibuat bagi tanggungan CGC berdasarkan pemberitahuan yang dibuat oleh bank-bank apabila pinjaman telah dikelaskan sebagai tidak berbayar. Pengelasan pinjaman sebagai tidak berbayar oleh institusi-institusi kewangan adalah berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia melalui "Garis Panduan ke atas Penangguhan Faedah Terhadap Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan untuk Hutang Lapuk dan Meragukan, BNM/GP3".

Selain daripada itu, peruntukan am sebanyak 1.5% (2007: 1.5%) daripada jumlah keseluruhan kemudahan kredit yang dijamin oleh CGC selepas diambilkira peruntukan khas untuk tuntutan juga disediakan.

Peruntukan tuntutan dicajkan terus kepada penyata pendapatan. Pindahan lebih atau kurangan yang terhasil akan dibuat ke rizab-rizab khas daripada untung terkumpul.

(l) Instrumen-instrumen Kewangan

Instrumen-instrumen kewangan yang dinyatakan dalam kunci kira-kira terdiri daripada wang tunai dan baki dalam bank, pelaburan-pelaburan, penghutang-penghutang, pemiutang-pemiutang dan pinjaman-pinjaman. Kaedah pengiktirafan yang diambil dilaporkan dalam setiap penyata dasar perakaunan bagi setiap instrumen kewangan.

Aset kewangan adalah harta dari wang tunai, perjanjian untuk menerima wang tunai atau aset kewangan dari syarikat lain; perjanjian bagi pertukaran instrumen-instrumen kewangan dengan syarikat lain di bawah situasi yang berpotensi membawa keuntungan; atau instrumen ekuiti dari syarikat lain.

Instrumen-instrumen kewangan yang dikeluarkan oleh Kumpulan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti mengikut kepada dasar perjanjian yang dimeterai. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian ke atas instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti dilaporkan sebagai perbelanjaan atau hasil. Pembahagian kepada pemegang instrumen-instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai ekuiti dicaj terus ke ekuiti. Instrumen-instrumen kewangan ditolak kesahihannya apabila Kumpulan mempunyai hak-hak untuk menolak kesahihan jumlah yang dikenalpasti dan bertujuan untuk membereskan jumlah bersih atau merealisasikan aset dan membereskan liabiliti pada masa yang sama.

(m) Peruntukan bagi Liabiliti-liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti-liabiliti diambilkira apabila Kumpulan mempunyai tanggungan semasa disebabkan peristiwa yang lepas; ada kemungkinan pengaliran keluar keuntungan diperlukan bagi menunaikan tanggungan dan anggaran kasar jumlahnya boleh dibuat. Peruntukan akan dikira semula pada setiap tarikh kunci kira-kira dan diselaraskan bagi menunjukkan anggaran yang paling tepat. Apabila kesan nilai masa sebagai berharga itu tinggi, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang mungkin diperlukan bagi membayar tanggungan.

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(n) **Kebajikan Pekerja**

Kebajikan jangka pendek

Upah, gaji dan bonus adalah dikenalpasti sebagai perbelanjaan dalam tahun tersebut yang mana perkhidmatan tersebut telah diberikan oleh pekerja-pekerja Kumpulan dan Syarikat. Pampasan jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar dikenalpasti bila perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja yang mana meningkatkan hak mereka untuk pampasan ketidakhadiran masa hadapan seperti cuti sakit yang diakui bila ketidakhadiran berlaku.

Mengikut undang-undang, Kumpulan dan Syarikat dikehendaki membuat sumbangan ke atas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sumbangan seumpama ini adalah diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan apabila ianya berlaku.

(o) **Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai**

Wang tunai adalah wang tunai di tangan dan baki dalam bank.

Kesamaan wang tunai adalah aset jangka pendek, mempunyai tahap kecairan yang tinggi yang boleh ditukar kepada wang tunai dalam jumlah yang boleh ditentukan pada bila-bila masa dan mempunyai risiko perubahan nilai yang amat kecil.

5. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL

Anggaran dan penilaian adalah dinilai secara berterusan dan berasaskan kepada pengalaman lepas dan faktor-faktor lain termasuklah jangkaan kepada apa yang akan berlaku di masa akan datang serta boleh dijadikan panduan yang munasabah. Kumpulan dan Syarikat membuat anggaran dan andaian tentang masa akan datang. Anggaran perakaunan yang dibuat, kebiasaannya adalah tidak bersamaan dengan hasil yang sebenar.

Tiada anggaran dan andaian yang dibuat oleh Kumpulan dan Syarikat yang berkemungkinan menyebabkan risiko yang nyata dan memerlukan pelarasan ke atas jumlah yang dibawa oleh aset dan liabiliti di dalam penyata kewangan tahun hadapan.

6. FUNGSI DAN PENGGUNAAN MATAWANG

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan adalah diukur berdasarkan kadar matawang ekonomi setempat di mana entiti itu beroperasi. Penyata kewangan yang telah disatukan ini dinyatakan di dalam Ringgit Malaysia iaitu merupakan kadar matawang di mana CGC menjalankan operasinya.

7. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Bangunan RM	Kenderaan Bermotor RM	Peralatan Pejabat RM	Perabot & Kelengkapan RM	Peralatan Komputer RM	Kerja Dalam Kemajuan RM	Jumlah RM
KUMPULAN							
2008							
Kos:							
Pada 1hb. Januari	39,081,135	838,867	1,467,417	8,761,920	19,483,952	8,642,113	78,275,404
Tambahan	-	143,805	123,722	457,404	14,871,145	4,496,638	20,092,714
Jualan	-	(137,523)	-	(30,390)	-	-	(167,913)
Pindahan	-	-	5,330	334,221	7,094,168	(7,433,719)	-
Pelupusan	-	-	-	(1,300)	-	-	(1,300)
Pada 31hb. Disember	39,081,135	845,149	1,596,469	9,521,855	41,449,265	5,705,032	98,198,905
Susutnilai Berkumpul:							
Pada 1hb. Januari	17,195,699	377,926	1,144,664	7,198,465	17,906,955	-	43,823,709
Caj bagi tahun ini	1,563,245	149,855	142,481	700,624	3,398,504	-	5,954,709
Penghapusan atas jualan	-	(137,522)	-	(30,289)	-	-	(167,811)
Penghapusan atas pelupusan	-	-	-	(1,296)	-	-	(1,296)
Pada 31hb. Disember	18,758,944	390,259	1,287,145	7,867,504	21,305,459	-	49,609,311
Nilai buku bersih pada 31hb. Disember	20,322,191	454,890	309,324	1,654,351	20,143,806	5,705,032	48,589,594

Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)

– 31hb. Disember, 2008

7. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Bangunan RM	Kenderaan Bermotor RM	Peralatan Pejabat RM	Perabot & Kelengkapan RM	Peralatan Komputer RM	Kerja Dalam Kemajuan RM	Jumlah RM
SYARIKAT 2008							
Kos:							
Pada 1hb. Januari	39,081,135	838,867	1,467,417	8,761,920	19,483,952	8,642,113	78,275,404
Tambahan	-	143,805	79,276	453,444	7,196,683	4,496,638	12,369,846
Jualan	-	(137,523)	-	(30,390)	-	-	(167,913)
Pindahan	-	-	5,330	334,221	7,094,168	(7,433,719)	-
Pelupusan	-	-	-	(1,300)	-	-	(1,300)
Pada 31hb. Disember	39,081,135	845,149	1,552,023	9,517,895	33,774,803	5,705,032	90,476,037
Susutnilai Berkumpul:							
Pada 1hb. Januari	17,195,699	377,926	1,144,664	7,198,465	17,906,955	-	43,823,709
Caj bagi tahun ini	1,563,245	149,855	140,765	700,492	2,934,605	-	5,488,962
Penghapusan atas jualan	-	(137,522)	-	(30,289)	-	-	(167,811)
Penghapusan atas pelupusan	-	-	-	(1,296)	-	-	(1,296)
Pada 31hb. Disember	18,758,944	390,259	1,285,429	7,867,372	20,841,560	-	49,143,564
Nilai buku bersih pada 31hb. Disember	20,322,191	454,890	266,594	1,650,523	12,933,243	5,705,032	41,332,473
SYARIKAT 2007							
Kos:							
Pada 1hb. Januari	39,081,135	836,487	1,386,871	8,148,681	19,040,627	5,014,048	73,507,849
Tambahan	-	2,380	162,844	613,554	443,325	3,628,065	4,850,168
Jualan	-	-	(63,160)	-	-	-	(63,160)
Pelupusan	-	-	(19,138)	(315)	-	-	(19,453)
Pada 31hb. Disember	39,081,135	838,867	1,467,417	8,761,920	19,483,952	8,642,113	78,275,404
Susutnilai Berkumpul:							
Pada 1hb. Januari	15,632,454	221,892	1,094,898	6,641,317	16,171,325	-	39,761,886
Caj bagi tahun ini	1,563,245	156,034	126,006	557,462	1,735,630	-	4,138,377
Penghapusan atas jualan	-	-	(57,106)	-	-	-	(57,106)
Penghapusan atas pelupusan	-	-	(19,134)	(314)	-	-	(19,448)
Pada 31hb. Disember	17,195,699	377,926	1,144,664	7,198,465	17,906,955	-	43,823,709
Nilai buku bersih pada 31hb. Disember	21,885,436	460,941	322,753	1,563,455	1,576,997	8,642,113	34,451,695

8. PRABAYAR BAYARAN TANAH PAJAKAN

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008 RM	2008 RM	2007 RM
Kos:			
<i>Pada 1hb. Januari dan 31hb. Disember</i>	5,010,439	5,010,439	5,010,439
Susutnilai terkumpul:			
<i>Pada 1hb. Januari</i>	2,039,167	2,039,167	2,004,176
<i>Caj pelupusan bagi tahun</i>	34,991	34,991	34,991
<i>Pada 31hb. Disember</i>	2,074,158	2,074,158	2,039,167
<i>Jumlah dibawa pada 31hb. Disember</i>	2,936,281	2,936,281	2,971,272

Geran hak milik bagi bangunan atas tanah pegang pajak masih belum diterima dari Pejabat Tanah.

9. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

	SYARIKAT	
	2008 RM	2007 RM
<i>Saham-saham tidak tersiar harga, pada kos</i>	2	-

Butiran terperinci syarikat subsidiari yang mana ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:-

Nama Syarikat	Aktiviti Utama	Pegangan Ekuiti	
		2008	2007
SME Credit Bureau (M) Sdn. Bhd.	Penubuhan dan pengurusan biro kredit untuk industri kecil dan sederhana (IKS)	100%	-

Analisa pemilikan syarikat subsidiari sepanjang tahun kewangan

Pada 3hb. Jun, 2008, CGC memperoleh 2 saham-saham biasa berharga RM1.00 sesaham, yang diterbitkan dan menjadi modal saham berbayar dalam SME Credit Bureau (M) Sdn. Bhd. dengan jumlah imbuhan tunai sebanyak RM2.00.

Butiran aset-aset bersih yang diperolehi dan aliran tunai hasil daripada pemilikan adalah seperti berikut:-

	Pada tarikh pemilikan RM
<i>Wang tunai ditangan</i>	-
<i>Imbuhan pembelian</i>	2
<i>Aliran keluar tunai bersih semasa pemilikan</i>	(2)

Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)

– 31hb. Disember, 2008

9. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Analisa pemilikan syarikat subsidiari sepanjang tahun kewangan (Sambungan)

Kesan perolehan ke atas hasil kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:-

	Pada tarikh pemilikan RM
Pendapatan	32,358
Lain-lain kos kendalian dan kos pentadbiran	(2,600,889)
Untung sebelum cukai	(2,568,531)
Cukai	–
Rugi selepas cukai	(2,568,531)
Kepentingan minoriti	–
Pengurangan dalam keuntungan Kumpulan boleh agih kepada pemegang-pemegang saham	(2,568,531)

Kesan di atas pemilikan terhadap posisi kewangan Kumpulan pada akhir tahun adalah seperti berikut:-

	RM
Harta tanah, loji dan peralatan	7,257,121
Aset-aset semasa	190,456
Liabiliti-liabiliti semasa	(12,208)
Pertambahan dalam aset bersih Kumpulan	7,435,369

10. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN 2008 RM	SYARIKAT 2008 RM	2007 RM
Saham-saham tidak tersiar harga, pada kos	200,000	200,000	200,000
Bahagian daripada keuntungan pasca pemilikan	14,715	–	–
	214,715	200,000	200,000

Butiran terperinci syarikat bersekutu yang ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:-

Nama Syarikat	Aktiviti Utama	Pegangan Ekuiti	
		2008	2007
Aureos CGC Advisor Sdn. Bhd.	Perkhidmatan Khidmat Nasihat	40%	40%

10. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Ringkasan maklumat kewangan syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008	2008	2007
	RM	RM	RM
Aset-aset dan liabiliti-liabiliti			
Aset-aset semasa	426,353	426,353	275,947
Aset-aset bukan semasa	331,794	331,794	446,313
Jumlah aset	758,147	758,147	722,260
Liabiliti-liabiliti semasa	123,307	123,307	62,496
Liabiliti-liabiliti bukan semasa	98,053	98,053	157,917
Jumlah liabiliti	221,360	221,360	220,413
Hasil Urusan			
Pendapatan	1,818,716	1,818,716	493,005
Untung selepas cukai	34,940	34,940	1,847

11. DANA PELABURAN ASING

Dana pelaburan asing akan digunakan untuk membiayai pelaburan-pelaburan di Malaysia (tidak lebih daripada 70%) dan negara-negara ASEAN (sehingga 30%).

Di dalam tahun kewangan yang lalu, CGC telah menandatangani Perjanjian Pemegang Saham bersama Aureos Malaysia Fund LLC (Syarikat), Aureos South-East Asia Ltd (Pengurus) dan lain-lain (Pelabur-pelabur). Perjanjian tersebut memperuntukkan setiap pelabur, termasuk CGC untuk melanggan sejumlah Saham-saham Biasa Kelas A dan membayar Sumbangan Modal pada jumlah yang ditentukan yang mungkin akan dipanggil secara agregat yang mana telah dipersetujui di dalam perjanjian tersebut.

CGC mempunyai komitmen untuk melanggan sebanyak 10,000,000 Saham Biasa Kelas A pada harga USD1 sesaham. Pada 31hb. Disember, 2008, CGC telah melanggan dan membayar sejumlah 557,500 (2007: 307,500) Saham Biasa Kelas A pada harga USD1 sesaham yang bersamaan RM1,894,316 (2007: RM1,054,966).

12. JUMLAH BELUM BERBAYAR DARI SUBSIDIARI

Jumlah belum dibayar dari subsidiari tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap dan tidak bercagar.

Faedah dikenakan ke atas baki tertunggak pada kadar pasaran semasa 3.88% + 30 mata asas.

13. JUMLAH BELUM BERBAYAR DARI BANK NEGARA MALAYSIA

Jumlah belum dibayar dari Bank Negara Malaysia (BNM) terdiri dari pembayaran balik tuntutan yang telah dibayar untuk skim Kemudahan Jaminan Khas (KJK) dan skim Kemudahan Jaminan Khas 2 (KJK-2).

Jumlah pinjaman tersebut tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap.

Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)

– 31hb. Disember, 2008

14. PINJAMAN DAN PENDAHULUAN

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008 RM	2008 RM	2007 RM
Pada 1hb. Januari	187,070,510	187,070,510	221,584,357
Tolak: Bayaran diterima	(26,884,692)	(26,884,692)	(34,513,847)
Pada 31hb. Disember	160,185,818	160,185,818	187,070,510

Jumlah ini merupakan baki pinjaman yang telah dikeluarkan di bawah Skim-skim Pinjaman Khas CGC seperti yang dirujuk dalam Nota 17 kepada penyata kewangan ini, skim Tabung Usahawan Kecil (TUK), Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2) dan Tabung Usahawan Baru (TUB 2).

15. SEKURITI PELABURAN DAN FAEDAH AKAN DITERIMA

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008 RM	2008 RM	2007 RM
Disebut:			
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	-	25,512,500
Faedah akan diterima	-	-	81,565
	-	-	25,594,065
Bon Cagamas	-	-	9,994,000
Faedah akan diterima	-	-	66,279
	-	-	10,060,279
Bon-bon lain	256,998,981	256,998,981	224,653,924
Faedah akan diterima	4,960,677	4,960,677	2,515,484
	261,959,658	261,959,658	227,169,408
	261,959,658	261,959,658	262,823,752
Tidak tersiar harga:			
Deposit instrumen boleh runding	100,000,000	100,000,000	-
Faedah akan diterima	995,548	995,548	-
	100,995,548	100,995,548	-
Jumlah sekuriti pelaburan dan faedah akan diterima	362,955,206	362,955,206	262,823,752
Nilai pasaran sekuriti pelaburan tersiar harga:			
– Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	-	25,817,500
– Bon Cagamas	-	-	10,002,000
– Bon-bon lain	259,818,160	259,818,160	225,852,390
	259,818,160	259,818,160	261,671,890

16. SIMPANAN TETAP DAN FAEDAH AKAN DITERIMA

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2008	2008	2007	2007
	RM	RM	RM	RM
Simpanan tetap				
– dengan bank-bank berlesen	2,249,671,624	2,249,671,624	1,690,555,356	
– dengan institusi-institusi kewangan yang lain	2,622,433,465	2,622,433,465	2,387,737,594	
	4,872,105,089	4,872,105,089	4,078,292,950	
Faedah akan diterima				
– dari bank-bank berlesen	26,815,958	26,815,958	21,622,767	
– dari institusi-institusi kewangan yang lain	22,929,753	22,929,753	40,473,832	
	49,745,711	49,745,711	62,096,599	
	4,921,850,800	4,921,850,800	4,140,389,549	

17. MODAL SAHAM

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2008	2008	2007	2007
	RM	RM	RM	RM
DIBENARKAN:				
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu – Pada 31hb. Disember	2,500,000,000	2,500,000,000	2,500,000,000	
Saham keutamaan bernilai RM1.00 setiap satu – Pada 31hb. Disember	500,000,000	500,000,000	500,000,000	
	3,000,000,000	3,000,000,000	3,000,000,000	
Saham biasa yang dibenarkan terdiri dari:				
Kelas A	1,500,000,000	1,500,000,000	1,500,000,000	
Kelas B	750,000,000	750,000,000	750,000,000	
Kelas C	250,000,000	250,000,000	250,000,000	
Jumlah saham biasa yang dibenarkan	2,500,000,000	2,500,000,000	2,500,000,000	

Saham Kelas A terdiri dari saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang didaftarkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM). Saham Kelas B mengandungi semua saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang didaftarkan kepada pemegang-pemegang saham yang menjalankan perniagaan perbankan. Saham-saham yang tidak diklasifikasikan sebagai saham Kelas A atau saham Kelas B adalah saham Kelas C. Semua kelas saham biasa mempunyai hak yang sama rata antara satu sama lain.

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2008	2008	2007	2007
	RM	RM	RM	RM
DITERBITKAN DAN DIBAYAR PENUH:				
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu – Pada 31hb. Disember	1,435,600,000	1,435,600,000	1,435,600,000	
200,000,000 saham keutamaan boleh tebus 10 tahun pada kadar 1% tidak terkumpul bernilai RM1.00 setiap satu – Pada 31hb. Disember	200,000,000	200,000,000	200,000,000	
Jumlah	1,635,600,000	1,635,600,000	1,635,600,000	

Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)

– 31hb. Disember, 2008

17. MODAL SAHAM (SAMBUNGAN)

Saham keutamaan yang diterbitkan ini memberi hak ke atas dividen tidak terkumpul keutamaan pada kadar 1% (selepas cukai) ke atas modal untuk dibayar dalam masa tertentu mengikut syarat-syarat yang mana pengarah-pengarah dengan kuasa mutlak yang ada dan pada pertimbangan mereka boleh menentukan yang ianya layak diisytiharkan, dibuat atau dibayar dalam sebarang tahun kewangan tetapi tidak akan diberi hak kepada sebarang penyertaan tambahan ke atas keuntungan. Saham-saham utama telah ditebus pada 8hb. September, 2008 dengan penerbitan baru berjumlah RM200 juta saham utama bernilai RM1 sesaham kepada BNM, untuk 10 tahun seterusnya bermula dari 10hb. September, 2008 sehingga 10hb. September, 2018.

Modal saham biasa yang diterbitkan dan dibayar sepenuhnya terdiri dari:

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008	2008	2007
	RM	RM	RM
Kelas A	1,097,096,000	1,097,096,000	1,097,096,000
Kelas B	336,746,000	336,746,000	336,746,000
Kelas C	1,758,000	1,758,000	1,758,000
Jumlah modal saham biasa	1,435,600,000	1,435,600,000	1,435,600,000

18. RIZAB-RIZAB

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008	2008	2007
	RM	RM	RM
Rizab Program Khas	161,407,233	161,407,233	149,723,859
Rizab SPI	26,733,732	26,733,732	32,592,077
Rizab Khas	164,889,828	164,889,828	116,378,130
	353,030,793	353,030,793	298,694,066
Untung Terkumpul	398,940,767	401,494,583	442,115,277
	751,971,560	754,525,376	740,809,343

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008	2008	2007
	RM	RM	RM
(a) Rizab Program Khas:-			
Pada 1hb. Januari	149,723,859	149,723,859	128,298,417
Dipindahkan dari untung terkumpul	11,683,374	11,683,374	21,425,442
Pada 31hb. Disember	161,407,233	161,407,233	149,723,859

Rizab Program Khas diwujudkan untuk menampung kerugian yang mungkin dialami dari pinjaman-pinjaman yang diluluskan di bawah TUK, TPUK, AIM, Skim Dana Pembiayaan Francais SPF, TEB dan PROSPER dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai. Ini termasuk tabung jaminan sebanyak RM40,000,000 yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dalam tahun 1997 bagi menyerap kerugian yang mungkin dialami di atas pinjaman yang diberikan di bawah TPUK (Nota 20).

18. RIZAB-RIZAB (SAMBUNGAN)

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2008	2008	2007	2007
	RM	RM	RM	RM
(b) Rizab SPI:-				
Pada 1hb. Januari	32,592,077	32,592,077	32,205,736	
Pindahan dari untung terkumpul	(5,858,345)	(5,858,345)	386,341	
Pada 31hb. Disember	26,733,732	26,733,732	32,592,077	

Rizab SPI diwujudkan untuk memenuhi tuntutan luarjangka bagi skim SPI di bawah jaminan secara Islam dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai.

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2008	2008	2007	2007
	RM	RM	RM	RM
(c) Rizab Khas:-				
Pada 1hb. Januari	116,378,130	116,378,130	79,602,026	
Pindahan dari untung terkumpul	48,511,698	48,511,698	36,776,104	
Pada 31hb. Disember	164,889,828	164,889,828	116,378,130	

Rizab Khas ini diwujudkan untuk memenuhi tuntutan luarjangka di atas pinjaman-pinjaman yang dijamin oleh CGC di bawah skim-skim yang lain dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai. Rizab Khas juga boleh digunakan bagi membayar tuntutan luarjangka bagi skim-skim lain jika diperlukan.

19. PINJAMAN DARI BANK NEGARA MALAYSIA

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2008	2008	2007	2007
	RM	RM	RM	RM
Perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	300,000,000	300,000,000	300,000,000	
Perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan	650,000,000	650,000,000	650,000,000	
	950,000,000	950,000,000	950,000,000	

Jumlah pinjaman dari Bank Negara Malaysia (BNM) merangkumi yang berikut:-

- (a) RM300 juta, pembayaran balik dalam masa 12 bulan, terdiri daripada berikut:-
- RM100 juta telah diperuntukkan oleh BNM untuk membolehkan CGC meningkatkan rizab jaminannya. Jumlah ini tidak dikenakan faedah dan dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang selama 5 tahun dari tarikh pengeluaran pada 8hb. Julai, 1999. CGC telah memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik dari BNM. BNM telah bersetuju untuk memanjangkan tempoh pembayaran balik pinjaman kepada satu tarikh yang akan ditentukan kelak.
 - Dalam tahun 1999, BNM telah memberikan pinjaman sementara sebanyak RM200 juta kepada CGC untuk menanggung kos kendalian CGC dalam pengendalian terbitan saham hak. Selepas itu, jumlah ini telah disalurkan kepada TUK untuk memenuhi permintaan pinjaman dan akan digunakan untuk meningkatkan tabung rizab bagi memenuhi keperluan tuntutan di bawah skim TUK. Pinjaman ini tertakluk kepada nota perjanjian yang dikeluarkan pada 4hb. Januari, 2000 dengan tempoh matang pada 31hb. Disember, 2004 pada kadar faedah 1% setahun. CGC telah memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik dari BNM. BNM telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik pinjaman pada suatu tarikh yang akan ditentukan kelak.

Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)

– 31hb. Disember, 2008

19. PINJAMAN DARI BANK NEGARA MALAYSIA (SAMBUNGAN)

(b) RM650 juta, pembayaran balik selepas 12 bulan, terdiri daripada berikut:-

- (i) RM200 juta, pinjaman diterima oleh CGC pada tahun 2000 untuk mentadbir Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2);
- (ii) RM200 juta, pinjaman tambahan yang diterima dalam tahun 2001 untuk TIKS 2; dan
- (iii) RM250 juta, untuk mentadbir Tabung Usahawan Baru (TUB 2) diterima dalam tahun 2001.

Pembayaran balik untuk kedua-dua tabung TIKS 2 dan TUB 2 akan dibuat dalam masa 10 tahun dari tarikh pengeluaran atau apabila kesemua dana telah dibayar sepenuhnya oleh institusi-institusi kewangan yang terlibat, yang mana terdahulu. Pinjaman ini tertakluk kepada nota perjanjian dan dikenakan faedah pada kadar 0.75% setahun.

20. TABUNG PEMBIAYAAN USAHAWAN KECIL (TPUK)

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008 RM	2008 RM	2007 RM
Pada 1hb. Januari	30,000,000	30,000,000	40,000,000
Bayar balik pada tahun ini	-	-	(10,000,000)
Pada 31hb. Disember	30,000,000	30,000,000	30,000,000
Perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	4,524,071	4,524,071	10,000,000
Perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan	25,475,929	25,475,929	20,000,000
	30,000,000	30,000,000	30,000,000

Dalam tahun 1996, CGC telah menandatangani satu perjanjian dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang menyumbang sebanyak RM200 juta kepada tabung yang dikenali sebagai Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (TPUK) di mana RM50 juta telah diterima dalam tahun 1996. RM50 juta ini tertakluk kepada pembayaran balik dengan jumlah yang sama selama 5 tahun bermula dari ulangtahun kelima setiap sumbangan. Dalam tahun 2001, CGC telah memohon bagi melanjutkan pembayaran balik untuk 5 tahun lagi. Dalam tahun 2006, ansuran pertama berjumlah RM10 juta telah dibayar. Ini telah diikuti oleh ansuran kedua berjumlah RM10 juta dalam tahun 2007. Dalam tahun 2008, PNB bersetuju dengan ansuran ketiga berjumlah RM4.5 juta berdasarkan baki dana yang tidak diguna pada akhir tahun.

Selain dari itu, MECD telah menyumbangkan tabung jaminan sebanyak RM40 juta yang diterima dalam tahun 1996 yang dimasukkan di bawah Program Rizab Khas tujuan untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami dari pinjaman-pinjaman yang diberikan di bawah TPUK.

Tabung ini bertujuan untuk menyediakan satu lagi pendekatan bagi usahawan-usahawan kecil mendapatkan bantuan kewangan bagi memaju dan menaikkan taraf perniagaan masing-masing. Kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada usahawan-usahawan kecil di bawah TPUK adalah tidak melebihi 6% setahun dengan jumlah setiap pinjaman tidak melebihi RM50,000.

Berkuatkuasa pada 1hb. Januari, 1999, MECD telah menggabungkan TPUK dan TUK. Penggabungan kedua-dua skim ini dikenali sebagai TUK. Tabung jaminan sebanyak RM40 juta yang ada di bawah Rizab Program Khas boleh digunakan untuk menanggung perbelanjaan yang berkaitan dengan Unit Pinjaman Kecil (SLU) yang ditubuhkan untuk menguruskan pelaksanaan skim TUK yang baru.

Hasil pelaburan baki tabung yang belum digunakan telah dipindahkan ke Rizab Program Khas dan akan digunakan untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami daripada pinjaman yang diberikan di bawah skim ini (Nota 18).

21. SKIM JAMINAN USAHAWAN KECIL (SJUK)

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008 RM	2008 RM	2007 RM
Pada 1hb. Januari/31hb. Disember	79,000,000	79,000,000	79,000,000

Pada 15hb. Mei, 2002, CGC telah membuat perjanjian dengan Kementerian Kewangan (MOF) yang menyumbang sebanyak RM50 juta bagi menubuhkan tabung jaminan yang dinamakan Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK), bagi menampung kerugian. Sumbangan ini perlu dibayar balik pada penghujung tahun yang ke-6 dan dikenakan faedah pada kadar 3% setahun dari tarikh pengeluaran pada 14hb. November, 2002. Walau bagaimanapun, pada 30hb. Ogos, 2005, MOF telah bersetuju untuk tidak mengenakan sebarang faedah ke atas CGC. Dalam tahun 2008, CGC memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik daripada MOF.

Pada 30hb. Ogos, 2005, CGC telah membuat perjanjian yang lain dengan MOF, untuk sumbangan tambahan berjumlah RM29 juta. Sumbangan ini perlu dibayar balik pada penghujung tahun ke-6 dan tidak dikenakan sebarang faedah.

Skim ini adalah bertujuan untuk membantu peniaga-peniaga kecil mendapat pinjaman dari RM10,000 hingga RM50,000 bagi modal pusingan dan/atau pembelian aset.

22. SKIM KEMUDAHAN PERMODENAN DAN BANTUAN PKS

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008 RM	2008 RM	2007 RM
Perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan	850,000,000	850,000,000	–

Dalam tahun 2008, CGC telah menandatangani perjanjian dengan Bank Negara Malaysia (BNM) yang telah bersetuju untuk menyalurkan RM850 juta ke dalam satu dana yang dikenali sebagai Skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS.

(a) Skim Kemudahan Permodenan PKS - RM350 juta

- (i) RM50 juta akan dilaburkan dalam akaun-akaun simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan di Malaysia dan semua pendapatan yang diterima daripada pelaburan di dalam akaun simpanan tetap ini akan digunakan sebagai dana jaminan (Dana Jaminan) untuk melunaskan tuntutan ke atas jaminan yang dikeluarkan oleh CGC di bawah Skim Kemudahan Permodenan PKS; dan
- (ii) RM300 juta akan dilaburkan dalam akaun-akaun simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan di Malaysia dan semua pendapatan yang diterima digunakan sebagai dana pembayaran balik faedah yang bertujuan untuk pembayaran balik kadar faedah 2.5% setahun ke atas baki pinjaman di bawah Skim Kemudahan Permodenan PKS.

(b) Skim Kemudahan Bantuan PKS - RM500 juta

- (i) RM100 juta akan dilaburkan dalam akaun-akaun simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan di Malaysia dan semua pendapatan yang diterima daripada pelaburan di dalam akaun simpanan tetap akan digunakan sebagai dana jaminan (Dana Jaminan) untuk melunaskan tuntutan ke atas jaminan yang dikeluarkan oleh CGC di bawah Skim Kemudahan Bantuan PKS; dan
- (ii) RM400 juta akan dilaburkan dalam akaun-akaun simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan di Malaysia dan semua pendapatan yang diterima digunakan sebagai dana pembayaran balik faedah yang bertujuan pembayaran balik kadar faedah 2.5% setahun ke atas baki pinjaman di bawah Skim Kemudahan Bantuan PKS.

Di dalam situasi di mana nilai pendahuluan di bawah kemudahan ini telah digunakan sepenuhnya, CGC boleh memohon untuk menambahkan jumlah pendahuluan dengan memindahkan jumlah yang ditentukan oleh BNM daripada kemudahan lain kepada kemudahan tersebut tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh BNM.

Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)

– 31hb. Disember, 2008

22. SKIM KEMUDAHAN PERMODENAN DAN BANTUAN PKS (SAMBUNGAN)

CGC akan membayar semula pendahuluan tanpa faedah ini kepada BNM seperti berikut:-

- (i) Sejumlah RM350 juta untuk skim Kemudahan Permodenan PKS pada akhir tahun ke-8 dari tarikh pelaksanaan Perjanjian Pinjaman; dan
- (ii) Sejumlah RM500 juta untuk skim Kemudahan Bantuan PKS pada akhir tahun ke-5 dari tarikh pelaksanaan Perjanjian Pinjaman.

23. DANA-DANA KERAJAAN

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008	2008	2007
	RM	RM	RM
Perlu dibayar atas permintaan	300,000,000	300,000,000	300,000,000

Jumlah tersebut termasuk pelbagai pinjaman dari Bank Negara Malaysia (BNM), dengan terma-terma berikut:-

- (a) RM80 juta, bertujuan membolehkan CGC meningkatkan rizab, pembayaran balik berasaskan arahan dan dikecualikan dari faedah
- (b) RM220 juta, bertujuan untuk dana pinjaman, di mana
 - (i) RM50 juta untuk TPPP 1992, dengan bayaran balik berasaskan arahan dan dikecualikan dari faedah;
 - (ii) RM50 juta untuk TPPP 1992, dengan bayaran balik berasaskan arahan dan dikenakan faedah 1% setahun;
 - (iii) RM20 juta untuk pengendalian Skim Pinjaman Khas Persatuan (SPKP), dengan bayaran balik berasaskan arahan dan dikecualikan dari faedah; dan
 - (iv) RM100 juta untuk Tabung Pelaburan Baru (TPB), yang perlu dibayar balik pada 14hb. Disember, 2006 selepas mendapat kebenaran dari Kementerian Kewangan Malaysia bagi penangguhan tarikh bayaran balik selama setahun. Dalam tahun 2008, CGC telah memohon penangguhan bayaran balik selama setahun tetapi kelulusan perlanjutan masih belum diterima.

Dari jumlah ini, RM200 juta adalah bercagar dengan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Simpanan Tetap masing-masing bernilai RM25 juta dan RM80 juta.

24. TABUNG USAHAWAN KECIL (TUK)

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008	2008	2007
	RM	RM	RM
Perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	490,000,000	490,000,000	490,000,000
Perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan	–	–	–
	490,000,000	490,000,000	490,000,000

Skim ini adalah untuk membantu usahawan-usahawan kecil mendapatkan pembiayaan di antara RM2,000 ke RM20,000 bagi tujuan modal pusingan dan/atau pembelian aset dengan pembiayaan bagi modal pusingan tidak melebihi RM10,000.

Pada 10hb. Disember, 1998, CGC telah menandatangani perjanjian dengan kerajaan yang telah menyumbang sebanyak RM50 juta kepada tabung yang dikenali sebagai Tabung Usahawan Kecil (TUK). Pinjaman ini akan dibayar balik kesemuanya selepas 10 tahun atau apabila skim ini dimansuhkan, yang mana terdahulu. Dalam tahun 2008, CGC telah membuat permohonan kepada MOF bagi melanjutkan tarikh pembayaran balik tetapi kelulusan masih belum diterima lagi.

24. TABUNG USAHAWAN KECIL (TUK) (SAMBUNGAN)

Peruntukan tambahan sebanyak RM40 juta yang sebelum ini disediakan untuk TPPP 1992 telah dipindahkan dari dana kerajaan untuk digunakan bagi TUK. Jumlah ini dikecualikan dari faedah dan dijamin oleh nota perjanjian dengan 10 tahun tarikh matang dari tarikh pengeluaran pada 18hb. Disember, 1997. Dalam tahun 2007, CGC telah memohon kepada BNM untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik tetapi kelulusan belum diterima lagi.

Dalam tahun 1999, BNM telah memperuntukkan RM400 juta untuk tabung ini di mana RM300 juta telah dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang 5 tahun dari tarikh ianya dikeluarkan iaitu pada 8hb. Julai, 1999. RM100 juta dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang 5 tahun dari tarikh ianya dikeluarkan iaitu pada 3hb. September, 1999. Kedua-dua jumlah ini dikenakan faedah pada kadar 1% setahun. Dalam tahun 2004, CGC telah memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik dari BNM. BNM bersetuju untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik pinjaman pada suatu tarikh yang akan ditentukan kelak.

CGC telah menamatkan pemberian pinjaman di bawah TUK sebagaimana yang telah diputuskan oleh Menteri Pembangunan Usahawan berkuatkuasa pada 1hb. Januari, 2000. Walau bagaimanapun, CGC terus mengendalikan pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan di bawah skim ini sebelum tarikh tersebut.

Hasil pelaburan baki tabung yang belum digunakan telah dipindahkan ke Rizab Program Khas dan akan digunakan untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami oleh pinjaman yang diberikan di bawah skim ini (Nota 18).

25. PENDAPATAN TERTANGGUH

Pendapatan yang diperolehi daripada pelaburan di dalam akaun-akaun simpanan tetap berjumlah RM850 juta yang diperuntukkan bagi skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS dari BNM seperti yang dinyatakan di dalam Nota 22 kepada penyata kewangan. Pendapatan tertangguh ini merupakan satu Dana Jaminan bagi menampung sebarang tuntutan ke atas jaminan-jaminan yang dikeluarkan oleh CGC terhadap skim Kemudahan-kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS dan juga Dana Pembayaran balik Faedah bagi tujuan bayaran balik kadar faedah sebanyak 2.5% setahun ke atas baki di bawah skim-skim tersebut.

26. PERUNTUKAN TUNTUTAN DI BAWAH SKIM-SKIM JAMINAN

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2008	2008	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
<i>Peruntukan khas:</i>				
<i>Pada 1hb. Januari</i>	285,584,815	285,584,815		294,613,994
<i>Peruntukan dalam tahun</i>	266,997,091	266,997,091		240,462,242
<i>Peruntukan tidak diperlukan dalam tahun</i>	(388,365)	(388,365)		(1,169,248)
<i>Tuntutan perlu dibayar</i>	(254,304,701)	(254,304,701)		(248,322,173)
<i>Pada 31hb. Disember</i>	297,888,840	297,888,840		285,584,815
<i>Peruntukan am:</i>				
<i>Pada 1hb. Januari</i>	52,506,780	52,506,780		63,288,500
<i>Peruntukan dalam tahun</i>	–	–		–
<i>Peruntukan tidak diperlukan dalam tahun</i>	(5,939,926)	(5,939,926)		(10,781,720)
<i>Pada 31hb. Disember</i>	46,566,854	46,566,854		52,506,780
<i>Jumlah</i>	344,455,694	344,455,694		338,091,595

Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)

– 31hb. Disember, 2008

27. TABUNG SKIM PEMBIAYAAN FRANCAIS (FFS)

Pada 27hb. Oktober, 1997, memorandum persefahaman telah ditandatangani di antara CGC, MECD dan tiga buah bank bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan francais di bawah tabung yang dikenali sebagai Skim Pembiayaan Francais (SPF).

Maklumat terperinci berkaitan penerimaan pembayaran oleh CGC daripada MECD dalam bentuk dana jaminan dan subsidi ke atas faedah kepada peminjam-peminjam adalah seperti berikut:

Tahun	Dana Jaminan (RM)	Subsidi Faedah (RM)	Jumlah (RM)
1998	2,000,000	2,000,000	4,000,000
1999	2,000,000	–	2,000,000
2000	7,196,500	7,196,500	14,393,000
2002	1,450,000	1,450,000	2,900,000
2003	15,000,000	–	15,000,000

Program ini akan membolehkan usahawan-usahawan yang mengendalikan perniagaan francais yang berdaya maju mendapat akses kepada kemudahan kredit sehingga tahap maksima RM7.5 juta setiap seorang. Bank boleh mengenakan kadar faedah maksima KAP + 1.5% ke atas peminjam. Walau bagaimanapun, MECD melalui CGC akan memberi subsidi ke atas bayaran faedah bagi mengurangkan kos pinjaman peminjam.

28. PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI BELIA (TEB)

Program ini adalah usahasama di antara Kementerian Belia dan Sukan, Affin Bank Berhad dan CGC, bertujuan untuk menggalakkan belia di negara ini menceburi bidang perniagaan dan kegiatan-kegiatan ekonomi yang menguntungkan.

Memorandum persefahaman telah ditandatangani oleh tiga pihak pada 15hb. Julai, 1997 di mana Kementerian Belia dan Sukan telah menyumbang sebanyak RM7.6 juta yang mana telah dimasukkan ke dalam Rizab Program Khas.

Program ini akan membolehkan belia-belia mendapatkan pinjaman kecil di antara RM5,000 ke RM50,000 dengan kadar faedah maksima sebanyak KAP + 2%. Walau bagaimanapun, kos kepada peminjam adalah 2% setahun sahaja. Perbezaan di antara kos yang dikenakan oleh bank dan kos kepada peminjam akan ditampung melalui subsidi dari kerajaan.

29. TABUNG INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA 2 (TIKS 2)

Berkuatkuasa pada 3hb. April, 2000, kerajaan telah memutuskan supaya Tabung Industri Kecil dan Sederhana yang dikendalikan oleh BNM ditamatkan oleh kerana peruntukan sejumlah RM1,850,000,000 telah digunakan sepenuhnya dalam masa 2 tahun sejak dari tarikh ianya diperkenalkan pada 2hb. Januari, 1998.

Bagi memenuhi permintaan pinjaman dari Industri Kecil dan Sederhana (IKS), kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan satu lagi tabung iaitu Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2) berjumlah RM200,000,000 di mana CGC telah dilantik untuk menguruskannya.

Skim ini bertujuan untuk membantu IKS di dalam sektor yang terpilih, iaitu sektor perkilangan dan perkhidmatan, sama ada menembusi pasaran eksport atau menyediakan jalinan kepada industri yang berorientasikan eksport dengan pembiayaan sehingga RM1,000,000 kepada setiap pelanggan untuk tujuan modal pusingan.

Tambahan sebanyak RM200 juta lagi telah diperuntukkan oleh kerajaan dalam tahun 2001. Pembayaran balik akan dibuat dalam masa 10 tahun dari tarikh pengeluaran atau apabila kesemua dana di bawah TIKS 2 telah dibayar sepenuhnya oleh institusi-institusi kewangan terlibat, yang mana terdahulu. Pinjaman ini dikenakan faedah pada kadar 0.75% setahun. Mulai dari 17hb. Oktober, 2002, BNM telah mengambilalih pentadbiran tabung TIKS 2 dan juga Tabung TUB 2 dari CGC. Walau bagaimanapun, CGC masih terus menguruskan pinjaman yang telah diterima sebelum 17hb. Oktober, 2002.

30. PROJEK USAHAWAN BUMIPUTRA DALAM BIDANG PERUNCITAN (PROSPER)

Skim PROSPER telah diperkenalkan pada Ogos 2000 dalam usaha untuk menggalakkan lebih penglibatan usahawan Bumiputra di dalam perniagaan peruncitan seluruh Malaysia. Di bawah skim ini, 4 pihak utama yang terlibat iaitu:-

- (i) Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
- (ii) TPPT Sdn. Bhd.
- (iii) Institusi Kewangan Terlibat (buat masa ini hanya Malayan Banking Berhad sahaja)
- (iv) CGC

Kemudahan-kemudahan skim PROSPER disediakan di bawah Skim Jaminan Anjal CGC dengan Lindungan Jaminan 100%.

Pada 3hb. Mac, 2005, CGC telah menerima sejumlah RM30 juta sebagai geran daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Dana ini akan digunakan untuk memenuhi kerugian pinjaman yang mungkin dihadapi di bawah skim ini.

31. HASIL

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2008	2008	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Yuran jaminan	138,578,877	138,578,877	111,179,726	
Faedah - Simpanan Bertempoh	151,881,104	151,881,104	154,809,758	
- Bon Cagamas	310,685	310,685	755,041	
- Lain-lain bon	11,604,500	11,604,500	8,494,379	
Yuran penyertaan	27,358	-	-	
	302,402,524	302,375,166	275,238,904	

32. UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2008	2008	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Keuntungan ini diperolehi selepas ditolak/(ditambah):				
Bayaran pengarah-pengarah	924,374	924,374	827,205	
Yuran pengarah-pengarah	102,000	92,000	92,000	
Elaun mesyuarat pengarah-pengarah	230,000	219,000	167,000	
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	2,524,328	2,480,619	2,607,527	
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan (Nota 7)	5,954,709	5,488,962	4,138,377	
Pelupusan prabayar bayaran tanah pajakan (Nota 8)	34,991	34,991	34,991	
Bayaran juruaudit	35,000	33,000	30,000	
Peruntukan tuntutan	275,970,241	275,970,241	220,995,355	
Pendapatan sewa	(367,051)	(408,234)	(583,249)	
Kos pelunasan terkumpul ke atas bon-bon	526,952	526,952	83,748	
Keuntungan dari jualan harta tanah, loji dan peralatan	(45,638)	(45,638)	(3,040)	
Perbelanjaan sewa	836,089	794,906	746,349	
Pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	4	4	-	
	31,150	31,150	31,750	

33. CUKAI

CGC telah diberikan pengecualian cukai pendapatan daripada tahun 2002 bagi tempoh 10 tahun di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967.

Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)

– 31hb. Disember, 2008

34. LIABILITI LUARJANGKA

CGC mempunyai liabiliti luarjangka di atas jaminan terhadap kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan kepada peminjam-peminjam oleh institusi-institusi kewangan di bawah pelbagai skim.

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2008	2008	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Jumlah kemudahan kredit yang telah dijamin oleh CGC di bawah Skim-skim Jaminan	3,935,532,210	3,935,532,210	4,571,329,269	
Liabiliti luarjangka yang terhasil	3,360,409,745	3,360,409,745	3,786,036,842	
Tolak: Jumlah yang dianggarkan lapuk dan ragu di mana peruntukan telah dibuat	344,455,694	344,455,694	338,091,595	
Jumlah diperuntukkan ke Rizab untuk memenuhi tuntutan di masa hadapan	353,030,793	353,030,793	298,694,066	
	697,486,487	697,486,487	636,785,661	
Liabiliti luarjangka bersih	2,662,923,258	2,662,923,258	3,149,251,181	

35. KOMITMEN-KOMITMEN MODAL

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2008	2008	2008	2007
	RM	RM	RM	RM
Perbelanjaan modal yang tidak diperuntukkan di dalam penyata kewangan:-				
Diluluskan dan dimeterai	177,995	177,995	7,204,600	
Diluluskan tetapi tidak dimeterai	10,709,941	9,868,405	15,586,550	
	10,887,936	10,046,400	22,791,150	
Komitmen untuk melanggan saham-saham dalam Aureos Malaysia Fund LLC	32,741,869	32,741,869	33,495,034	

36. INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN

Jumlah yang dibawa dan anggaran nilai berpatutan bagi aset-aset kewangan dan liabiliti-liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat pada tarikh kunci kira-kira adalah seperti berikut:-

KUMPULAN	2008	
	Jumlah Dibawa	Nilai Berpatutan
	RM	RM
<u>Aset-aset Kewangan</u>		
Yuran akan diterima	42,806,660	42,806,660
Jumlah belum dibayar dari Bank Negara Malaysia	5,194,480	5,194,480
Penghutang-penghutang lain	4,912,440	4,912,440
Pinjaman dan pendahuluan	160,185,818	160,185,818
Sekuriti pelaburan	362,955,206	362,955,206
Deposit, wang tunai dan baki dalam bank	4,937,160,695	4,937,160,695

36. INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Jumlah yang dibawa dan anggaran nilai berpatutan bagi aset-aset kewangan dan liabiliti-liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat pada tarikh kunci kira-kira adalah seperti berikut:- (Sambungan)

KUMPULAN	2008	
	Jumlah Dibawa RM	Nilai Berpatutan RM
<u>Liabiliti-liabiliti Kewangan</u>		
Tuntutan akan dibayar	48,848,427	48,848,427
Pemiutang-pemiutang lain	83,557,650	83,557,650
Dana-dana Kerajaan	300,000,000	300,000,000
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	950,000,000	863,000,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	30,000,000	29,000,000
Tabung Usahawan Kecil	490,000,000	490,000,000
Skim Jaminan Usahawan Kecil	79,000,000	79,000,000
Skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS	850,000,000	676,935,000

SYARIKAT	2008		2007	
	Jumlah Dibawa RM	Nilai Berpatutan RM	Jumlah Dibawa RM	Nilai Berpatutan RM
<u>Aset-aset Kewangan</u>				
Yuran akan diterima	42,806,660	42,806,660	27,430,968	27,430,968
Yuran akan diterima				
Jumlah belum dibayar dari Bank Negara Malaysia	5,194,480	5,194,480	3,010,397	3,010,397
Penghutang-penghutang lain	4,778,668	4,778,668	8,534,619	8,534,619
Pinjaman dan pendahuluan	160,185,818	160,185,818	187,070,510	187,070,510
Sekuriti pelaburan	362,955,206	362,955,206	262,823,752	262,823,752
Deposit, wang tunai dan baki dalam bank	4,937,104,011	4,937,104,011	4,145,389,285	4,145,389,285
<u>Liabiliti-liabiliti Kewangan</u>				
Tuntutan akan dibayar	48,848,427	48,848,427	34,298,179	34,298,179
Pemiutang-pemiutang lain	83,545,442	83,545,442	75,138,347	75,138,347
Pendapatan tertangguh	3,416,874	3,416,874	-	-
Dana-dana Kerajaan	300,000,000	300,000,000	300,000,000	300,000,000
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	950,000,000	863,000,000	950,000,000	863,000,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	30,000,000	29,000,000	30,000,000	29,000,000
Tabung Usahawan Kecil	490,000,000	490,000,000	490,000,000	490,000,000
Skim Jaminan Usahawan Kecil	79,000,000	79,000,000	79,000,000	79,000,000
Skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS	850,000,000	676,935,000	-	-

Kaedah dan anggaran yang digunakan bagi menganggar nilai berpatutan bagi setiap kelas aset-aset kewangan dan liabiliti-liabiliti kewangan adalah seperti berikut:-

- Sekuriti-sekuriti pelaburan
Anggaran bagi nilai berpatutan adalah berdasarkan kepada harga pasaran pada tarikh kunci kira-kira.
- Yuran, jumlah belum dibayar dari Bank Negara Malaysia, penghutang-penghutang lain, tuntutan-tuntutan pemiutang dan pemiutang-pemiutang lain. Jumlah yang dibawa adalah anggaran yang berpatutan memandangkan jangka matang yang pendek.
- Deposit-deposit, wang tunai dan baki-baki dalam bank
Jumlah yang dibawa adalah anggaran yang berpatutan memandangkan jangka matang yang pendek.

Nota Kepada Penyata Kewangan (Sambungan)

– 31hb. Disember, 2008

36. INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Kaedah dan anggaran yang digunakan bagi menganggar nilai berpatutan bagi setiap kelas aset-aset kewangan dan liabiliti-liabiliti kewangan adalah seperti berikut:- (Sambungan)

- (d) Pinjaman-pinjaman dan pendahuluan-pendahuluan
Ini adalah pengeluaran bagi pinjaman dan pendahuluan di bawah tabung-tabung khas dan skim-skim yang ditadbir oleh CGC. Nilai dibawa adalah merupakan anggaran bagi nilai berpatutan kerana nilai dibawa adalah bersamaan dengan nilai yang boleh diperolehi di bawah skim-skim tersebut.
- (e) Dana kerajaan dan dana-dana lain serta pinjaman dari Bank Negara Malaysia
Pinjaman-pinjaman dan dana-dana ini diperuntukkan kepada CGC pada kadar faedah yang rendah untuk membiayai skim-skim pinjaman dan mengukuhkan rizab-rizab bagi memenuhi tuntutan dan kerugian dari kendalian. Nilai berpatutan merupakan anggaran yang dibuat jika pinjaman diperolehi mengikut nilai pasaran.

37. TRANSAKSI-TRANSAKSI KETARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN

- (a) Pihak yang berkaitan dan hubungannya dengan CGC adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Hubungan
Aureos CGC Advisers Sdn. Bhd.	Syarikat bersekutu
SME Credit Bureau (M) Sdn. Bhd.	Syarikat subsidiari
Bank Negara Malaysia	Pihak berkaitan

- (b) Transaksi dan baki ketara pihak berkaitan adalah seperti di bawah:

- (i) Imbuan kakitangan pihak pengurusan utama

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008 RM	2008 RM	2007 RM
Gaji-gaji dan lain-lain kebajikan pekerja jangka pendek	924,374	924,374	827,205

- (ii) Transaksi-transaksi dan baki-baki pihak berkaitan

Baki-baki ketara yang berkaitan yang telah dimasukkan ke dalam kunci kira-kira setakat 31hb. Disember, 2008 adalah seperti berikut:

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008 RM	2008 RM	2007 RM
Jumlah belum berbayar dari subsidiari	–	10,003,898	–
Jumlah belum berbayar dari/(kepada) Bank Negara Malaysia:-			
(i) SKJK dan SKJK2	5,194,480	5,194,480	3,010,397
(ii) Dana Rizab Jaminan	(100,000,000)	(100,000,000)	(100,000,000)
(iii) TUK	(720,000,000)	(720,000,000)	(648,000,000)
(iv) TIKS 2	(400,000,000)	(400,000,000)	(400,000,000)
(v) TUB 2	(250,000,000)	(250,000,000)	(250,000,000)
(vi) TPKPK	(50,000,000)	(50,000,000)	(50,000,000)
(vii) SPKP	(20,000,000)	(20,000,000)	(20,000,000)
(viii) Skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS	(850,000,000)	(850,000,000)	–

37. TRANSAKSI-TRANSAKSI KETARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

(b) Transaksi dan baki ketara pihak berkaitan adalah seperti di bawah: (Sambungan)

(ii) Transaksi-transaksi dan baki-baki pihak berkaitan (Sambungan)

Butiran-butiran transaksi-transaksi yang ketara antara CGC dan pihak-pihak yang berkaitan pada tahun ini adalah seperti berikut:-

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2008 RM	2008 RM	2007 RM
Yuran penyertaan	-	5,000	-
Sewa pejabat	-	41,183	-
Yuran pengurusan	-	53,856	-
Faedah yang dibayar kepada BNM	(10,875,000)	(10,875,000)	(10,875,000)

38. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Dalam tahun 2007, CGC telah mengambilkira pelaburan dalam syarikat bersekutu dalam penyata kewangan berasingan menggunakan kaedah ekuiti di mana penyatuan penyata kewangan tidak dibentangkan. Dalam tahun ini, CGC telah memperolehi 2 saham biasa dalam SME Credit Bureau (M) Sdn. Bhd. seperti yang dinyatakan dalam Nota 9 kepada penyata kewangan. Oleh itu, berdasarkan kepada FRS 127, CGC telah membentangkan penyatuan penyata kewangan dan pelaburan dalam syarikat bersekutu dalam penyata kewangan CGC menggunakan kaedah kos.

Bagi memudahkan perbandingan dalam penyata kewangan CGC yang berasingan, penyata-penyata kewangan yang berasingan dalam tahun 2007 telah dinyatakan semula untuk mengeluarkan kesan perakaunan ekuiti dan pelaburan dalam syarikat bersekutu. Penyataan semula adalah seperti berikut:

	Seperti dinyatakan sebelumnya RM	Pengkelasan semula RM	Seperti dinyatakan semula RM
PENYATA PENDAPATAN			
Perkongsian keuntungan bersama syarikat bersekutu	(739)	739	-
KUNCI KIRA-KIRA			
Rizab-rizab	(740,810,082)	739	(740,809,343)
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	200,739	(739)	200,000

Penyata Lembaga Pengarah dan Perakuan Berkanun

– 31hb. Disember, 2008

PENYATA LEMBAGA PENGARAH

Kami, DATO' ZAMANI ABDUL GHANI dan MD. YUSOF HUSSIN, dua orang daripada pengarah CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD, menyatakan bahawa pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 94 hingga 121 telah disediakan berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan (FRS) dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 untuk memberi gambaran yang benar dan munasabah mengenai kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31hb. Disember, 2008 serta keputusan dan aliran wang tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh yang tersebut.

Ditandatangani mengikut resolusi Lembaga Pengarah,



DATO' ZAMANI ABDUL GHANI



MD. YUSOF HUSSIN

Kuala Lumpur,
Tarikh : 24hb. April, 2009

PERAKUAN BERKANUN

Saya, DATUK WAN AZHAR BIN WAN AHMAD, pengarah yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD, dengan sesungguhnya dan ikhlas mengisytiharkan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 94 hingga 121 pada pendapat saya adalah betul dan saya membuat pengakuan yang ikhlas ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama yang tersebut)
di atas DATUK WAN AZHAR BIN WAN AHMAD)
di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan)
pada 24hb. April, 2009)



) **DATUK WAN AZHAR BIN WAN AHMAD**

Di hadapan saya,




Laporan ke atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD, yang mengandungi kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat pada 31hb. Disember, 2008, penyata pendapatan, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut serta satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 94 hingga 121.

Tanggungjawab Para Pengarah terhadap Laporan Penyata Kewangan

Lembaga pengarah CGC bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: merangka, melaksana dan memastikan kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama dan bebas daripada salahnyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan; memilih dan menggunakan dasar perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang munasabah dalam keadaan tertentu.

Tanggungjawab Juruaudit

Kami bertanggungjawab untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan kerja pengauditan kami. Kami telah menjalankan kerja-kerja audit berdasarkan piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika di samping merancang dan melaksanakan audit bagi mendapatkan keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas dari salahnyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk CGC dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman pihak CGC. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah pada pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan dan peruntukan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan 31hb. Disember, 2008 serta prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Laporan tentang Undang-undang dan Peraturan Lain

Menurut keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- Pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang wajib disimpan di bawah Akta oleh Syarikat dan subsidiarinya telah disimpan dengan wajar dan sempurna mengikut kehendak akta tersebut.
- Kami berpuashati bahawa penyata kewangan subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan, dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan yang dikehendaki oleh kami bagi tujuan tersebut.
- Laporan audit kami ke atas penyata kewangan subsidiari tidak mengandungi sebarang pengecualian atau teguran yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai satu badan, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak yang lain di atas kandungan laporan ini.



SALLEH, LEONG, AZLAN & CO.

AF: 0010

Akauntan Bertauliah



NG ENG KIAT

1064/03/11(J/PH)

Rakan Firma

Kuala Lumpur,

Tarikh : 24hb. April, 2009


Branch Network

Jaringan Cawangan

CLIENT SERVICE CENTRE / PUSAT KHIDMAT PELANGGAN

Level 2, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor

Hotline: **03-7 88 000 88** Person to Contact: Nor Zalina Abdullah Email: csc@cgc.com.my Facsimile: 03-7803 0077



Main Branch / Cawangan Utama

Level 3, Bangunan CGC, Kelana Business Centre
No. 97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor
Phone : 03-7804 8100
Facsimile : 03-7806 1290
Person to Contact : Phang Chee Mun
Email : phang@cgc.com.my

Alor Setar

No. 1908, Jalan Stadium, 05100 Alor Setar, Kedah
Phone : 04-731 2300
Facsimile : 04-734 1500
Person to Contact : Wan Faizah Zakaria
Email : faizah@cgc.com.my

Prai

Lot 9G, No. 2782, Taman Inderawasih, Jalan Chain Ferry
13700 Prai, Pulau Pinang
Phone : 04-399 2400
Facsimile : 04-397 5434
Person to Contact : Ng Teik Hiang
Email : thng@cgc.com.my

Ipoh

No. 50, Ground Floor, Persiaran Greenhill, 30450 Ipoh, Perak
Phone : 05-243 3900
Facsimile : 05-243 4900
Person to Contact : Ruslan Yusof
Email : ruslan@cgc.com.my

Kuala Terengganu

Ground Floor, 111A, Jalan Batas Baru
20300 Kuala Terengganu, Terengganu
Phone : 09-625 2400
Facsimile : 09-625 2399

Person to Contact : Abd Azim Mahmood
Email : azim@cgc.com.my

Kuala Lumpur

No. 34A-0-1, Jalan 1/27F, Pusat Bandar Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur
Phone : 03-4149 6476
Facsimile : 03-4149 1237

Person to Contact : Julinah Abdul Hamid
Email : julinah@cgc.com.my

Melaka

111, Ground Floor, Jalan TMR 24
Taman Melaka Raya, 75000 Melaka
Phone : 06-284 4300
Facsimile : 06-283 2205

Person to Contact : Mohamed Noor Ismail
Email : mnoor@cgc.com.my

Kota Bharu

P.T. 164, Ground Floor, Section 26
Jalan Dusun Muda, 15400 Kota Bharu, Kelantan
Phone : 09-743 7730
Facsimile : 09-743 7752

Person to Contact : Md Yusof Omar
Email : md_yusof@cgc.com.my

Kota Kinabalu

Unit No. 5/G6, Ground Floor, Api-Api Centre
Jalan Centre Point, 88000 Kota Kinabalu, Sabah
Phone : 088-538 300
Facsimile : 088-538 700

Person to Contact : Amirudin Ab Rashid
Email : Amir@cgc.com.my

Kuching

192L, Ground Floor, Lot 468, Al-Idrus Commercial Centre
Jalan Satok, 93400 Kuching, Sarawak
Phone : 082-424 200
Facsimile : 082-427 300

Person to Contact : Sulaiman Abdullah @ Sulai Dubin
Email : sulaiman@cgc.com.my

Kuantan

No. A-97, Ground Floor, Sri Dagangan Kuantan
Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan, Pahang
Phone : 09-513 9277
Facsimile : 09-513 9577

Person to Contact : Sherifah Nor Hana Sy. Osman Hamid
Email : sherifah@cgc.com.my

Seremban

No. 21, Jalan Durian Emas 3, Betaria Business Centre
70400 Seremban, Negeri Sembilan
Phone : 06-761 2400
Facsimile : 06-761 2477

Person to Contact : Siti Hajjar Abdul Majid
Email : hajjar@cgc.com.my

Johor Bahru

No. 46, Jalan Sulam, Taman Sentosa, 80150 Johor Bahru, Johor
Phone : 07-338 2788
Facsimile : 07-334 4977

Person to Contact : A'nas Salehuddin
Email : anas@cgc.com.my

Batu Pahat

No. 20, Jalan Maju, Taman Maju Bukit Pasir
83000 Batu Pahat, Johor
Phone : 07-432 2633
Facsimile : 07-432 3088

Person to Contact : Halim Abu @ Abu Hassan
Email : halim@cgc.com.my

Sandakan

Lot 8, Block 1, Jalan Labuk, Bandar Indah
Mile 4, 90000 Sandakan, Sabah
Phone : 089-224 698
Facsimile : 089-224 963

Person to Contact : Zairul Hijoo
Email : zairul@cgc.com.my

Miri

Lot 789 (Ground Floor) Block 9
MCLD Bintang Jaya Commercial Centre
98000 Miri, Sarawak
Phone : 085-421 270
Facsimile : 085-410 370

Person to Contact : Mohamed Suffri Mohamed Yusop
Email : suffri@cgc.com.my

This page has been intentionally left blank.
Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



Credit Guarantee Corporation

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (12441-M)

Proxy Form

I/We

of

being a member of the abovenamed Company, hereby appoint

.....

of or failing him

.....

as my proxy/our proxy to vote for me/us on my/our behalf at the **Thirty Sixth Annual General Meeting** of the Company to be held on **Thursday, 21st May, 2009, at 9.30 a.m.** and at any adjournment thereof in the manner indicated below.

	For	Against
Resolution 1		
Resolution 2		
Resolution 3		
Resolution 4		

(Please indicate with a cross (x) in the spaces provided whether you wish your votes to be cast for or against the Resolutions. In the absence of specific directions, your proxy will vote or abstain as he thinks fit).

Signed this day of 2009.

.....
Signature

Note:

1. A member entitled to attend and vote is entitled to appoint a proxy to attend and vote for him; a proxy or an attorney need not be a member of the Company.
2. The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointer or of his attorney duly authorised in writing or if the appointer is a Corporation under the hand of an officer of the Corporation.
3. The instrument appointing a proxy and the power of the attorney or other authority, if any, under which it is signed, or a notarially certified copy of that power of authority shall be deposited at the Registered Office of the Company – Level 13, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, 97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, not less than 48 hours before the time for holding the meeting or any adjournment thereof.

Fold Here

STAMP

Company Secretary
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (12441-M)
Level 13, Bangunan CGC, Kelana Business Centre,
No. 97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Fold Here